

قَتِيْقِن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"AL-QURAN sendiri telah memberitahu, siapa dia Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu. Baginda adalah lampu yang terang-benderang dan rahmat bagi seluruh alam".
- Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 12 Rabiulawal 1438H / 12 Disember 2016M.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

قَلْبِي فِي رِيْقِ اِيْمَانِ

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :
Maksudnya : "Maka sesiapa yang mengetahui berlakunya wabak di suatu tempat janganlah sekali-kali dia datang ke sana...!"
- (Hadis riwayat Muslim)

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.51	5.01	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 154

23 DISEMBER 2020 / 1442 جمادى الأولى 8

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Berkhidmat dengan telus, amanah untuk negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kampus RB di Jalan Kustin. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Penularan wabak koronavirus menyebabkan berlakunya sekatan-sekatan perjalanan dikuatkuasakan oleh banyak negara. Ini membawa impak besar ke atas penerbangan di seluruh dunia yang menjadikan permintaan perjalanan udara telah berkurangan secara drastik.

Situasi ini tentu saja merupakan cabaran getir bagi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB). Ia benar-benar menguji kewibawaan semua pihak, terutama Lembaga Pengarah RB dan pengurusan eksekutif.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual hari ini ke Kampus RB di Jalan Kustin, di sini.

Ke muka 2

Pertahankan kedudukan, pencapaian RB

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Walaupun penularan koronavirus mula memuncak di seluruh dunia sejak Januari 2020, namun Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) masih saja mampu untuk melakukan beberapa misi, menyelamatkan dan penerbangan khas bagi

membawa rakyat, penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam daripada beberapa buah negara, seperti Republik Rakyat China, United Kingdom, Malaysia dan Republik Arab Mesir untuk pulang ke tanah air.

Ke muka 3



BRUNEI DARUSSALAM 2021

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



TINGKAT industri perikanan negara

Muka 6



MEMBANTERAS pemerdagangan manusia

Muka 28

STATISTIK TERKINI

COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 22 DISEMBER 2020, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN 152

JUMLAH KEMATIAN 3

JUMLAH KES YANG SEMBUH 149

www.moh.gov.bn

MINISTRY OF HEALTH, BRUNEI DARUSSALAM

MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 148

Berkhidmat dengan telus, amanah untuk negara

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan bahawa inisiatif-inisiatif berkesan dan langkah-langkah mitigasi untuk mengurangkan kerugian mustahak diusahakan.

"Pegawai-pegawai Eksekutif dengan diketuai Chief Executive Officer (CEO) perlu mengambil punggur ke hadapan mengemudikan RB. Janganlah ada di kalangan para pegawai yang menjadikan RB sebagai batu loncatan untuk kepentingan diri sendiri, seperti mengambil kesempatan menjadikan wabak coronavirus sebagai alasan untuk melakukan kerja sepenuh masa bagi membolehkan untuk menuntut *perks and privileges* yang dibayar oleh RB serta juga asyik berseronok dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh RB," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dalam titah, Kebawah DYMM juga menyatakan terdapat isu mengenai ekspatriat dari luar negara dan penjawat warga tempatan dan seterusnya mempersoalkan kenapa harus berlakunya ekspatriat dari luar negara mendapat gaji yang lebih tinggi dari warga tempatan walaupun dalam jawatan yang sama.

"Beta juga turut mendengar mengenai alasan mengapa kita mengambil warga asing ialah supaya mereka itu dapat memberikan tunjuk ajar kepada warga tempatan, tetapi setelah diambil bekerja di RB, tidaklah berlaku pengalaman dan kemahiran warga asing itu dikongsi oleh warga tempatan, melainkan yang ada warga tempatan pula yang digunakan untuk melakukan kerja-kerja warga asing, bukannya warga asing yang memberikan tunjuk ajar kepada warga tempatan.

"Kalau beginilah keadaan, tidak ada maknanya pengurusan peringkat tinggi RB disandang oleh warga asing," tegas baginda.

Selain itu, baginda bertitah juga menimbulkan mengenai berlaku juga pengurusan kurang menyenangkan seperti kakitangan tempatan dipaksa mengambil cuti oleh pihak pengurusan sedang dalam masa yang sama, pihak ini berpandai-pandai sendiri mencari warga asing untuk menyertai RB.

"Ini juga satu perkara yang sepatutnya tidak berlaku, tetapi ia berlaku juga, mengapa? Mungkinkah kerana sikap ingin menunjuk-nunjuk kuasa sehingga perkara yang tidak patut berlaku pun boleh berlaku.

"Beta tidak nampak sikap yang seperti ini ada baiknya, melainkan semata-mata



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kampus RB di Jalan Kustin.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

untuk mengundang kepada keburukan jua. Oleh itu, mana-mana pihak yang ada terlibat dengan kejadian seperti ini hendaklah segera menyedarinya," tegas baginda.

Baginda juga terkejut mendengar bahawa pihak pengurusan didapati berlainan haluan dengan Lembaga Pengarah.

Baginda menekankan mengenai pihak pengurusan yang bukan saja mahu tahu, mereka juga mahu mengawal semua yang berlaku di dalam syarikat, termasuk apa-apa jua perancangan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari perkara-perkara yang berkaitan dengan pekerjaan, perancangan sampailah kepada setiap pembelian syarikat pun mahu diketahui sama.

Titah baginda, berlaku juga tindakan memberikan amaran kepada warga RB supaya tidak mengongosikan maklumat kepada sesiapa sahaja, termasuk media atau media sosial tentang apa-apa jua yang berlaku ke atas warga RB, seperti tidak memberi bonus, gaji dan pangkat tidak naik dan sebagainya.

"Dalam pentadbiran mahupun pengurusan, pihak-pihak yang berkenaan

dengan RB mustahak mempunyai penerap perancangan-perancangan yang relevan. Rancangan-rancangan itu biarlah jelas dari sudut kepentingan dan keperluan, bukan dengan melulu merancang tanpa sebab-sebab yang munasabah, seperti merancang untuk menempah beberapa buah pesawat baru hanya semata-mata kerana hendak menjual pesawat yang lama. Perancangan seperti ini pada hemat beta, perlu dikaji lagi dan menimbang masak-masak akan kesesuaian keperluan dan keadaan semasa," titah baginda lagi.

Tegas baginda, sesuai untuk memelihara nama baik RB, semua yang berkenaan dengan syarikat ini, dari Lembaga Pengarah, Pegawai-pegawai Eksekutif, pentadbiran dan bahkan semua yang bernama warga RB hendaklah bekerja dalam satu pasukan untuk RB, bukan untuk diri dan kepentingan masing-masing.

Sebelum mengakhiri titah, baginda menyeru untuk berkhidmat dengan semangat Brunei dan dengan etika MIB, iaitu semata-mata telus dan amanah untuk negara dan masyarakat yang juga menjadi amalan.

Dari Sidang
Pengarang.

23 DISEMBER 2020 BERSAMAAN 1442 جمادى الأولى 8

LAKSANA TUGAS BEKERJASAMA,
AMANAH, JUJUR SENTIASA

BERAT sama dipikul, ringan sama dijinjing, itulah antara kata-kata yang sering diutarakan kepada kita sejak di bangku sekolah rendah lagi. Mungkin ada dalam kalangan kita yang sudah terlupe akan kata-kata berkenaan.

Namun bagi mereka yang bekerja sebagai satu pasukan secara tidak langsung memang menerapkan semangat berkenaan walau secara tidak langsung, ia pasti berlaku.

Mungkin ada dalam kalangan kita yang lebih selesa bekerja secara bersendirian memandangkan ia lebih mudah dan tidak memerlukan masa atau prosedur yang panjang dalam menyelesaikan tugas, berbanding secara berkumpulan.

Namun, ada dalam sebahagian tugas atau tanggungjawab, kita memerlukan kerjasama daripada pihak lain agar kerja atau tugas yang dilaksana dapat diselesaikan juga berjaya, iaitu dengan usaha kerjasama.

Maka dalam hal ini, kita perlu bersikap terbuka dan mengamalkan sikap tolong-menolong di antara satu dengan lain agar pekerjaan yang dilakukan akan menjadi lebih sempurna dan mampu memberikan hasil yang membanggakan buat semua pihak.

Semua pihak itu termasuklah jabatan, Kementerian, swasta, individu, masyarakat, persatuan, agama mahupun bangsa. Dalam Perkhidmatan Awam telah dan sering dilaungkan mengenai Whole Nation Approach, di mana dalam memenuhi hasrat berkenaan pastinya dan sememangnya memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak dan yang berkepentingan.

Tidak ada yang dapat dilaksana sebagai *lone ranger*, lebih-lebih lagi jika ia membabitkan kepentingan bersama, iaitu agama, bangsa dan negara. Dalam hal ini, kerjasama daripada pihak-pihak berkaitan adalah perlu dalam sama-sama memastikan hasrat negara tercapai dengan jayanya.

Wawasan Negara 2035 antara hasrat yang perlu diusahakan, di mana pastinya ia tidak akan dapat tercapai jika sekiranya segala usaha yang dirancang tidak dilaksana secara bersama atau bekerjasama secara berpasukan.

Di samping itu, ia pastinya juga memerlukan kepada ilmu dan pengalaman yang mampu melaksanakan pekerjaan berkenaan berjalan lancar, mulus dan telus, di mana sikap jujur, amanah dan bertanggung jawab juga perlu diaplikasikan dalam pelaksanaan segala tugas atau tanggungjawab yang digalas dalam mencapai hasrat berkenaan.

Jangan menyalahgunakan kuasa yang ada, jangan mudah terlalai dan terleka, akibatnya jika berterusan akan membawa petaka, oleh itu mulakan segala tugas dengan ikhlas laila jujur semata kerana Allah jua.

Bekerja biar bersama, agar segala usaha dapat terlaksana dengan sempurna, di samping dapat dicapai dengan jayanya, dapat direalisasikan demi kepentingan semua, bukan hanya untuk kepentingan sendiri atau kebaikan diri cuma, hingga hak juga keselamatan negara tergedai jua.

Laksanakanlah segala tugas dan amanah yang diberikan dengan niat ikhlas kerana Allah semata, cuba elak dengan niat demi kepentingan sendiri cuma, ingat segala tugas dan amanah yang diberikan bukan sekadar kata-kata, tetapi juga sebagai amanah dalam mencari rezeki halal buat keluarga kita.

Biar kita miskin pada harta, jangan kita miskin pada jiwa, biar kita susah kerana bersikap jujur sentiasa, jangan kita kaya dengan dusta dan kejahatan bermaharaja lela. - Ketua Penyuntingan (Nb)

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
30 25 °C	31 25 °C	30 25 °C
PEKAN BANGAR		
30 25 °C	31 25 °C	30 25 °C
PEKAN TUTONG		
30 25 °C	31 25 °C	30 25 °C
KUALA BELAIT		
30 25 °C	31 25 °C	30 25 °C

Wallaahuatam Bisawala
Jabatan Kaicuaa
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Ceraa
114

Brunei WX
APP

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	RABU	8	4.51	5.01	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29
24	KHAMIS	9	4.51	5.01	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30
25	JUMAAT	10	4.52	5.02	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30
26	SABTU	11	4.52	5.02	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31
27	AHAD	12	4.53	5.03	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31
28	ISNIN	13	4.53	5.03	6.27	6.51	12.23	3.45	6.17	7.32
29	SELASA	14	4.54	5.04	6.27	6.51	12.23	3.45	6.17	7.32

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDCM
123
2380214

Prasarana RB tumpuan Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah DYMM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kampus RB di Jalan Kustin (atas). Manakala gambar bawah kanan, baginda berkenan berangkat ke Kampus RB tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Kemudahan dan prasarana bagi kepentingan semua pihak yang beroperasi di bawah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) menjadi fokus utama dalam siri Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memulakan keberangkatan baginda ke Kampus RB di Jalan Kustin, di sini, dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Lembaga Pengarah RB.

Ke muka 4



Pertahankan kedudukan, pencapaian RB

Dari muka 1

RB juga memberikan kerjasama kepada beberapa kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi di negara ini untuk membuat penerbangan khas bagi membawa balik rakyat mereka ke negara masing-masing, seperti ke United Kingdom, Indonesia, Thailand dan India.

"Selain itu, terdapat juga tempahan khas untuk membawa penduduk Indonesia daripada London ke Bali dan rakyat China daripada Kuala Lumpur ke Republik Rakyat China," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kampus RB di

Jalan Kustin, di sini.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah menyatakan, RB telah pun beroperasi sejak dari penubuhannya pada 18 November 1974.

Dalam jangka masa yang agak panjang itu, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dapatlah dibuat penilaian terhadap pencapaian-pencapaiannya.

Kebawah DYMM dalam titah menyatakan, di antara pencapaian yang sangat bermakna, RB telah menyertai pencalonan bagi kategori dunia berprestij, maka pada 27 November 2020 yang lalu telah diumumkan sebagai pemenang rasmi 'World Leading Cabin Crew 2020' dengan mendapat undian terbanyak dalam tinjauan pendapat para tetamu, pengembara dan profesional kembara di seluruh dunia.

Baginda bertitah, Pengasas

World Travel Award (WTA), Graham E.Cooke menyatakan walaupun terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh institusi penerbangan pada tahun ini, namun RB telah menunjukkan kegigihan yang tiada tandingnya untuk terus memberi perkhidmatan luar biasa kepada pelanggan-pelanggannya.

Baginda seterusnya menekankan bahawa itu semua memberi gambaran bahawa RB adalah penerbangan bertaraf dunia dan bahkan ia juga memiliki ciri-ciri istimewa dan tersendiri.

Oleh itu, tegas baginda, wajarlah kedudukan terbaik yang membanggakan ini dipelihara dan dipertahankan.

"Beta yakin RB akan terus mengukir namanya di persada dunia. Nama yang baik adalah menjadi idaman bagi semua negara dan adapun Brunei telah pun menyandanginya. Oleh itu, marilah kita sama-sama berazam untuk terus menyandang nama yang baik itu," seru baginda lagi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan dijunjung untuk menandatangani Majalah Muhibah yang disembahkan oleh kakitangan RB (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian warga RB yang hadir ketika Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Kampus RB di Jalan Kustin.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama kakitangan RB.

Dari muka 3

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke Bangunan Simpung yang meliputi beberapa bahagian, antaranya Bahagian Operasi, yang bertanggungjawab dalam menjaga beberapa operasi dari Jabatan Kejuruteraan, Operasi

Penerbangan, Bahagian Anak Kapal (Cabin Crew) dan Operasi Daratan (Ground Operations) serta Pusat Kawalan Operasi. Selain Bahagian Kewangan, Bahagian Komersial juga menjadi perhatian dalam siri lawatan keberangkatan Kebawah DYMM, yang berfungsi berkaitan dengan jualan dan pemasaran RB menerusi Penerbangan Diraja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meninjau kafe yang terdapat di Kampus RB (atas). Sementara gambar bawah kiri, baginda berkenan beramah mesra bersama kakitangan RB.

Brunei. Sementara Bahagian Prestasi dan Manusia (People and Performance Division) berperanan dalam perkara yang

berkaitan dengan sumber manusia serta kebajikan warga RB. Manakala Bahagian Risiko Korporat berkaitan dengan

kesihatan, pasukan bertindak kecemasan dan sebagainya.

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima sembah penerangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.



KEBAWAH DYMM berkenan bergambar kenangan bersama kakitangan RB (kiri). Manakala gambar atas, suasana Hangar 1 di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dan berinteraksi bersama warga RB semasa mengadakan lawatan tersebut (kiri dan atas).

Dari muka 4

Baginda juga tidak ketinggalan untuk berkenan meninjau secara lebih dekat dan ingin mengetahui mengenai operasi yang dijalankan di Hangar 1 dan 3 di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) yang berkaitan dengan kerja-kerja kejuruteraan dan penyelenggaraan, termasuk pemeriksaan di armada (fleet) teknologi baharu Boeing 787 dan pesawat Airbus A320 neo serta menyediakan ruang pejabat dan infrastruktur dalam memperluaskan lagi operasi kumpulan RB mengikut prosedur pentadbiran yang tinggi. Pusat kecemerlangan bagi latihan dan model jalan juga dibina di Hangar 1.

juga berkenan menyaksikan secara lebih dekat operasi penyelenggaraan talian pengendalian teknikal semua pesawat RB yang melintasi LTAB, menyediakan pemantauan dalam memastikan waktu / masa dan selamat pada waktu ketibaan dan penerbangan.

Penyelenggaraan pangkalan menempatkan kemudahan untuk menyokong semua pemeriksaan ringan dan berat dan penyelenggaraan fasa seperti yang diarahkan oleh CAMO (Continuing Airworthiness Management Organisation) untuk memastikan pesawat diselenggarakan dalam setiap program penyelenggaraan.

Manakala Bahagian Operasi menjaga operasi RB dari Jabatan Kejuruteraan, Operasi Penerbangan, Bahagian Anak

Kapal (Cabin Crew), Operasi Darat dan Pusat Kawalan Operasi.

Juga hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman selaku Timbalan Pengerusi RB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima sembah penerangan semasa mengadakan lawatan di salah satu bahagian.



TURUT menjadi tumpuan lawatan baginda ialah Hangar 1 di kawasan LTAB.



KEBAWAH DYMM berkenan bergambar kenangan bersama kakitangan RB.

Perkenal peralatan terminal moden

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Selasa, 22 Disember. - Projek Mereka Bentuk, Membangun, Mengendalikan dan Memelihara, Kompleks Pendaratan Ikan Muara akan memperkenalkan peralatan terminal moden bagi kerja-kerja pemunggaan hasil daripada tangkapan ikan dan hasil daripada peliharaan ikan dalam sangkar dan juga kecekapan bagi memuatkan serta memunggah bekalan asasi ke atas kapal-kapal penangkap ikan yang akan hendak pergi ke laut.

Apabila selesai nanti, ia dijangka akan dapat menjana kira-kira 200 pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong menjelaskan perkara tersebut ketika ditemui oleh pihak media pada Majlis Penandatanganan Perjanjian bagi Projek Mereka Bentuk, Membangun, Mengendalikan dan Memelihara, Kompleks Pendaratan Ikan Muara, Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Indera Samudera, The Empire Brunei.

"Kita mengucapkan tahniah kepada pihak Syarikat Pelabuhan Muara Sdn. Bhd. (MPC) kerana terpilih untuk melaksanakan

projek berkenaan," jelas Yang Berhormat.

Seperti yang dimaklumi, ujar Yang Berhormat, MPC adalah Syarikat Berkaitan Kerajaan yang dimiliki bersama oleh Beibu Gulf Holding (Hong Kong) Co. Limited, dari Republik Rakyat China dan Darussalam Assets Sdn. Bhd., Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Tambahnya, MPC akan melaksanakan kerja-kerja bermula Januari 2021 dan akan menyuntik sekitar BND14 juta untuk fasa pertama untuk melaksanakan projek ini.

"Projek ini merupakan satu Projek Kerjasama Awam-Swasta (Public-Private Partnership - PPP) iaitu usaha sama kerajaan dan pihak swasta. Apabila selesai nanti, MPC dijangka akan dapat menjana kira-kira 200 pekerjaan

bagi anak-anak tempatan," tambah Yang Berhormat.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) juga mengucapkan terima kasih kepada beberapa kementerian yang terlibat melalui 'Whole of Government Approach' seperti Kementerian Pembangunan dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi membantu KSSUP dalam merancang projek ini dan akan membantu memantau pelaksanaan projek di masa akan datang.

"InsyaaAllah dengan adanya kemudahan ini ia akan dapat membantu kita mencapai KPI untuk meningkatkan keluaran sektor perikanan kepada sekitar 100 juta pada tahun 2019 kepada 175 juta pada tahun 2022 akan datang," terang Yang Berhormat.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa ditemu bual.

Tingkat industri perikanan negara



JERUDONG, Selasa, 22 Disember. - Menjelang 2035, Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyaksikan peningkatan



dalam pengeluaran industri perikanan termasuk sumbangan eksport perikanan kepada ekonomi negara.

Shubungan itu, ke arah memastikan perkhidmatan kompleks pendaratan ikan yang berkualiti tinggi dan mesra alam yang dilengkapi dengan kemudahan moden dan berteknologi tinggi, satu penandatanganan perjanjian antara Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Syarikat Pelabuhan Muara Sdn. Bhd. (MPC) dimeterai, hari ini.

Majlis Penandatanganan Perjanjian bagi Projek Mereka Bentuk, Membangun, Mengendalikan dan Memelihara, Kompleks Pendaratan Ikan Muara, Negara Brunei Darussalam itu diadakan di Dewan Indera Samudera, The Empire Brunei.

MPC adalah Syarikat Berkaitan Kerajaan yang dimiliki bersama oleh Beibu Gulf Holding (Hong Kong) Co. Limited, dari Republik Rakyat China dan Darussalam Assets Sdn. Bhd., Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MoFE). Pemilihan MPC adalah setelah melalui proses tawaran secara terbuka pada awal tahun ini.

MPC akan membangunkan kemudahan yang moden dan berteknologi tinggi untuk memastikan perkhidmatan kompleks pendaratan ikan yang berkualiti tinggi dan mesra alam.

Pemodenan kompleks ini akan memperkenalkan peralatan terminal moden bagi kerja-kerja pemunggaan hasil daripada tangkapan ikan dan hasil daripada peliharaan ikan dalam sangkar dan juga kecekapan bagi memuatkan dan memunggah bekalan asasi ke atas kapal-kapal penangkap ikan

yang akan hendak pergi ke laut. Selain itu, syarikat yang dipilih ini juga akan menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien kepada aktiviti-aktiviti pemrosesan ikan yang sedang dan akan beroperasi di kawasan kompleks berkenaan.

Menandatangani perjanjian bagi pihak Jabatan Perikanan ialah Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Noraini binti Haji Anggas dan disaksikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Abdul Halidi bin Mohd. Salleh.

Sementara menandatangani bagi pihak MPC ialah Ketua Pegawai Kewangan, Lyu Guoli dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Zeng Caili.

Penandatanganan tersebut disaksikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Pengerusi MPC selaku tetamu khas majlis.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD).

COVID-19 : 679 jalani pengasingan diri

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini,

menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 152 orang. Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara

Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 230 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 11 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 149 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 679 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 9,803 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 191 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 81,657 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes			
Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	152		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	0	3	149
Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19		Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan	
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (230 hari yang lalu)		11 Kes	
Ringkasan Pengasingan Diri		Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)	
Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori		9,803	
679			
Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2			
Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)		
191 sampel	81,657		

'The Garden Rhapsodies' meriahkan BDF

RIMBA, Isnin, 21 Disember. - Festival Disember Brunei 2020 (Brunei December Festival - BDF 2020) terus dimeriahkan dengan pelbagai acara yang telah disusun sepanjang bulan Disember ini.

Pagi tadi, satu lagi acara dirasmikan, iaitu Pameran Lukisan 'The Garden Rhapsodies' yang mempamerkan 20 lukisan cat air (*watercolor paintings*) daripada artis tempatan, Huifong Ng yang diselenggarakan dengan pelancaran buku 'The Garden Rhapsodies' yang diterbitkan dalam dua versi, iaitu bahasa Inggeris dan Cina.

Pelancarannya disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong yang berlangsung di Dewan Simpur, Pusat Hortikultur Rimba, Gadong.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Yu Hong.

Buku tersebut menceritakan tentang perjalanan awal karya seni beliau di Perancis dan bagaimana beliau kehilangan dan kemudian menemui semula impiannya untuk menjadi pelukis selepas pulang ke tanah air, NBD.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa melihat buku 'The Garden Rhapsodies' tersebut (atas). Sementara gambar atas kanan, Yang Berhormat semasa menyaksikan Pameran Lukisan 'The Garden Rhapsodies' di Dewan Simpur, Pusat Hortikultur Rimba, Gadong.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Acara pameran yang dianjurkan oleh Huifong's Art Gallery (H.A.G) ini akan dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula hari ini hingga 24 Disember 2020, bermula jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang di Dewan Simpur, Pusat

Hortikultur Rimba, Gadong.

Orang ramai yang berminat untuk membeli buku berkenaan, bolehlah mendapatkannya pada pameran lukisan tersebut atau melayari laman sesawang www.atelierhuifong.com.



فجابت سوروهنجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu? Hubungi kami.
How can we help you today? Here's how to get in touch with us.

+673 7371961
query@spa.gov.bn

IPSC RECRUITMENT

Tingkat kecekapan pengurusan perbekalan ubat



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Kementerian Kesihatan sedang melaksanakan sebuah projek penyumberluaran (*outsourcing*), khususnya dalam pengurusan rantai perbekalan ubat-ubatan dan barangan guna habis perubatan.

Bukan itu sahaja, ini termasuklah perkhidmatan perolehan, pengurusan Stor Perubatan Negara (SPN) dan perkhidmatan logistik penghantaran ubat-ubatan juga guna habis perubatan, dari SPN ke hospital-hospital, klinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan secara berperingkat.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Kontrak Perjanjian di antara Kementerian

Kesihatan dan Royal Brunei Technical Services Sdn. Bhd. (RBTS) bagi Projek Penyumberluaran Pengurusan Rantai Perbekalan Ubat-ubatan dan Barangan Guna Habis Perubatan, diadakan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat, seterusnya menyaksikan penandatanganan kontrak perjanjian berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin

Abdullah; dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman selaku Pengerusi RBTS.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Kesihatan, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Awang Maswadi bin Haji Mohsin, sementara RBTS diwakili oleh Ketua Pegawai Pentadbiran Kanan, Dayang Hajah Rapih binti Haji Mat Daud.

Penandatanganan bagi pihak Kementerian Kesihatan disaksikan oleh Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Awang Wong Wai See manakala RBTS, disaksikan oleh Pegawai Perkembangan Perniagaan Kanan, Awang Mohd. Ammar Norfakhri bin Awang Kharin.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; dan Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku Pengerusi RBTS semasa hadir pada Majlis Penandatanganan Kontrak Perjanjian berkenaan (kiri dan atas).

Tujuan projek tersebut adalah untuk mempertingkatkan kualiti dan kecekapan dalam pengurusan rantai perbekalan, perbekalan ubat-ubatan yang berkualiti secara berterusan, juga memberikan penjimatan kepada pihak kerajaan dan keyakinan orang ramai dalam jangka masa panjang.

Dalam masa yang sama juga, akan memberikan peluang pekerjaan bagi pencari-pencari kerja dalam bidang-bidang tertentu dalam rantai perbekalan berkenaan.

Dengan penyumberluaran perkhidmatan tersebut diharap membolehkan Kementerian Kesihatan untuk lebih memfokuskan peranannya (*core business*) dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan yang efisien dan bermutu tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Bagi projek ini, Kementerian Kesihatan melantik RBTS, iaitu sebuah syarikat berkaitan kerajaan yang pakar isi kandungan dalam bidang pengurusan rantai perbekalan dan kawal selia barangan strategik yang terkawal.

Tempoh bagi pelaksanaan kontrak perjanjian ini adalah selama enam tahun, bermula dari 1 Oktober 2020 hingga 30 September 2026.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan; Ahli-ahli Lembaga Pengarah RBTS; Ketua Pegawai Eksekutif RBTS; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan; dan pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan juga RBTS.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap pada Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) 2020-2024.

Bergerak dalam satu pasukan mencapai Wawasan Brunei 2035

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Dengan dilengkapi tiga Objektif Strategik, lima Strategi Teras dan 11 Inisiatif Strategik yang berasaskan KPI, bukti (*evidence-based*) dan amalan terbaik untuk mencapai visi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Buku Pelan Strategik KKBS 2020-2024 merupakan asas bagi warga KKBS untuk terus bergerak ke hadapan sebagai satu pasukan ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035 secara berfasa-fasa dan perancangan yang rapi.

Perkara tersebut dinyatakan oleh

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik KKBS 2020-2024, Buku Rangka Kerja Kebangsaan Bagi Perlindungan Kanak-Kanak (National Framework On Child Protection - NFCP) dan Penyerahan Geran Mikro Keusahawanan yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan KKBS, di sini.

"Disinilah pentingnya ialah bagi

kita untuk memastikan buku ini tidak akan menjadi retorik semata-mata. Hayatilah dan manfaatkannya dengan sepenuhnya untuk mengukuhkan lagi perpaduan kita sebagai warga kementerian yang penuh dengan kebanggaan, bergerak secara bersatu dan komited untuk mencapai yang terbaik bagi masyarakat Brunei Darussalam. Kita mempunyai amanah yang tinggi untuk menentukan kesejahteraan dan pemeraksanaan rakyat secara amnya, di samping pendaulatan budaya bangsa kita. InsyaaAllah, kita akan dapat melaksanakan tugas dan peranan tersebut sepertimana yang dihasratkan," jelas Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat berkata, Majlis Pelancaran pada hari ini mempunyai makna yang sangat besar kerana mereka dapat berkumpul sebagai satu pasukan untuk sama-sama menghargai dan mengimbas kembali kepada pencapaian-pencapaian yang telah dan terus diraih oleh warga KKBS bersama rakan-rakan strategik yang terdiri daripada Majlis-majlis Kebangsaan dan Persatuan-persatuan di bawahnya, Persekutuan dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan, Pergerakan-pergerakan Belia, sukarelawan, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan pihak swasta sehingga sekarang.

Ke muka 9

KKBS lancar 2 buku



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa melancarkan Buku Pelan Strategik KKBS 2020-2024 dan Buku Rangka Kerja Kebangsaan Bagi Perlindungan Kanak-Kanak (National Framework On Child Protection - NFCP) yang diadakan di Dewan Digadong, Bangunan KKBS (kiri), manakala gambar kanan, Yang Berhormat semasa menyampaikan buku berkenaan.



terakhir di bawah Tadbir Urus Pentadbiran, iaitu memfokuskan ke arah Persekitaran Kerja Inklusif dan Produktif agar warga kerja KKBS terlibat aktif, cekap, berkebolehan dan berkeyakinan dalam memberikan perkhidmatan berkualiti yang memenuhi pelbagai keperluan dan mampu melaksanakan objektif-objektif strategik.

Buku NFCP mengandungi beberapa strategi utama yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak, termasuk dari aspek dasar, undang-undang dan etika; mekanisme pemantauan; koordinasi di antara agensi; perkhidmatan sosial; sokongan keluarga; penglibatan masyarakat; pencegahan; penglibatan kanak-kanak dan peningkatan latihan dan kapasiti.

Penghasilan rangka kerja itu adalah berasaskan kepada dokumen-dokumen yang terkandung di dalam Wawasan Brunei 2035; Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-Kanak di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS); United Nations Convention on the Rights of the Child (CRC); dan Regional Plan of Action on Violence Against Children (2016-2025) di bawah ASEAN Commission on the Discrimination and Protection on the Rights of Women and Children.

Penyerahan Geran Mikro Keusahawanan kepada syarikat yang diusahakan bersama oleh usahawan-usahawan belia, Md. Rabi Noorhafiz bin Rozama dan Md. Hadi Fakhru bin Sordini, iaitu syarikat Siege Pollyfox Enterprise.

Pemberian geran tersebut adalah antara inisiatif dorongan dan dukungan pihak kerajaan untuk terus membantu para belia menceburi bidang keusahawanan bagi memastikan belia masa kini mampu bersaing dan berdaya, dan seterusnya menjadi agen perkembangan kepelbagaian sosioekonomi negara.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap KKBS, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Ketua-ketua Bahagian dan Ketua-ketua Jabatan di bawah KKBS, rakan-rakan strategi KKBS serta pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.



SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS semasa berucap pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Buku Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) 2020-2024 memantapkan perancangan empat tahun KKBS dalam mencapai visi 'Bangsa Brunei Cemerlang' dengan memfokuskan kepada lima hasil pencapaian visi mengikut empat bidang utama, iaitu Sektor Kemasyarakatan, Sektor Kebeliehan, Sektor Kesukanan dan Sektor Kebudayaan serta Tadbir Urus KKBS.

Manakala Buku Rangka Kerja Kebangsaan Bagi Perlindungan Kanak-Kanak (National Framework on Child Protection - NFCP) pula memfokuskan kepada kanak-kanak dan orang muda yang berumur di bawah 18 tahun.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik KKBS 2020-2024 dan Buku NFCP berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan KKBS, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Dalam ucapan alu-aluan Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud antara lain berkata, rancangan bagi perangkaan pelan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mula dikaji pembentukannya pada awal tahun 2018 dengan melibatkan usaha pengumpulan data, perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan khususnya bahagian-bahagian dan jabatan-jabatan di bawah kementerian dan berpandukan kepada rujukan daripada dasar-dasar dan strategi-strategi terdahulu, Kajian Belia Kebangsaan 2018 dan Indeks Pembangunan Belia (YDI) bagi

memastikan pelan strategik ini sejajar dan komprehensif.

Menurutnya, banyak inisiatif-inisiatif serta program-program pembangunan, pengupayaan dan pemeraksanaan masyarakat telah dilaksanakan secara berterusan, di mana dengan adanya Pelan Strategik itu menyatupadukan inisiatif serta usaha KKBS untuk mencapai satu hala tuju yang lebih jelas dan bersistematik ke arah mencapai visi kementerian, iaitu Bangsa Brunei Cemerlang.

Penghasilan Buku NFCP pula tambahnya, menjadi garis panduan dan rujukan bagi memperkukuhkan lagi ekosistem perlindungan kanak-kanak yang ada di negara ini bagi empat tahun yang akan datang.

"Dengan pelancaran Buku Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 2020-2024 dan Buku Rangka Kerja Kebangsaan bagi Perlindungan Kanak-Kanak ini, peramba / saya yakin visi kita akan dapat merealisasikan Bangsa Brunei Cemerlang mampu dikecapi," ujarnya lagi.

Semasa majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan pelancaran Buku Pelan Strategik KKBS 2020-2024; dan Buku NFCP, disusuli dengan Majlis Penyerahan Geran Mikro

Keusahawanan.

Di dalam Buku Pelan Strategik KKBS 2020-2024 bagi pelaksanaan inisiatif di bawah Sektor Kemasyarakatan, pihak kementerian menurus kepada 'Masyarakat Yang Progresif' yang bermaksud ekosistem pembangunan keupayaan masyarakat yang mampan, dinamik, berdaya tahan dan inklusif secara progresif.

Dalam Sektor Kebeliehan pula, inisiatif pelaksanaan ialah Belia Siaga Masa Depan melihat kepada belia bertaraf dunia yang berteraskan nilai sebagai agen perubahan siaga masa hadapan bagi pembangunan negara dengan berakar umbikan keinklusan.

Sementara itu, dalam pelaksanaan di bawah inisiatif Sektor Kesukanan, tumpuan difokuskan kepada pencapaian Negara Sukan Yang Gemilang, iaitu bagi mencapai kecemerlangan dalam sukan yang kompetitif, kemajuan dalam pembangunan sukan dan kesejahteraan masyarakat.

Manakala bagi pelaksanaan inisiatif di bawah Sektor Kebudayaan, Kementerian berhasrat ke arah Budaya Dinamik dan Pengukuhan Warisan, iaitu budaya dan warisan negara sebagai tonggak perpaduan yang terus relevan dalam menyumbang ke arah pembangunan negara.

Bagi pelaksanaan inisiatif

Bergerak dalam satu pasukan mencapai Wawasan Brunei 2035



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyerahkan Geran Mikro Keusahawanan kepada Syarikat Siege Pollyfox Enterprise (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Dari muka 8

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke KKBS baru-baru ini, dalam mana, titah baginda telah memberikan hala tuju dan keutamaan yang menyeluruh dalam setiap bidang tugas kementerian, dan pada masa yang sama mengingatkan betapa mustahaknya untuk menunaikan peranan dan amanah sebagai satu kementerian dalam satu pasukan, khususnya dalam menjaga jati diri para belia, kesejahteraan masyarakat, memartabatkan budaya dan bahasa Melayu sebagai tanda tamadun dan peradaban, menyediakan negara untuk menghadapi sukan bertaraf antarabangsa dan kewajipan untuk menjaga kebajikan setiap warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Menurut Yang Berhormat lagi, beberapa tahun kebelakangan ini, KKBS telah meraih pelbagai kemajuan dan pencapaian yang memberikan kesan yang berimpak dalam tugas dan peranan, antaranya Dasar Belia Negara dan Strategi (DBNS) 2020-2035, Garispanduan Sukarelawan, Garispanduan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) serta pelan-pelan tindakan dalam pelbagai bidang tugas dihasilkan secara *cross-cutting* pada tahun 2020.

Dalam aspek pembangunan terang Yang Berhormat, pengupayaan dan kesejahteraan masyarakat, Sistem Kebajikan Negara (SKN) telah dikenalkan untuk memastikan tiadanya ketirisan dalam kalangan pemohon-pemohon bantuan secara berterusan.

Di samping itu ujar Yang Berhormat, usaha juga diteruskan untuk meringankan beban golongan sasaran secara langsung seperti Projek Memeduli Warga Emas dari aspek kesejahteraan dan kesihatan, penyediaan unit kediaman secara percuma kepada sebilangan residen Pusat Penempatan dan Kemudahan Ruang Percuma bagi Persatuan-persatuan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Program inkubator dan kursus Pusat Pembangunan Belia juga jelas Yang Berhormat, terus

diluaskan skop bagi belia dan golongan-golongan sasaran sebagai platform untuk menjana keusahawanan dan pendapatan sendiri, di samping perancangan berterusan untuk menaiktaraf Pusat Bahagia.

Menyentuh mengenai aspek pemeraksanaan dan pembentukan jati diri belia, Yang Berhormat berkata, lebih banyak platform telah dan terus ditubuhkan, antara lain, Kongres Belia Kebangsaan, Youth Townhall, di samping pelbagai platform-platform lain dan program-program yang merentasi pelbagai topik yang dijalankan oleh Badan Bukan Kerajaan.

Dalam menangani pandemik COVID-19, Yang Berhormat berbangga dengan penglibatan para sukarelawan, khususnya Sukarelawan Belia yang berani tampil ke hadapan dalam membantu pihak *frontliners*, di mana dengan pelancaran DBNS 2020-2035, para belia turut memainkan peranan kritikal sebagai mekanisme *check and balance* terhadap pelaksanaan inisiatif-inisiatif DBNS dengan penubuhan Youth Advisory Group, di samping Youth Advocates dalam pelbagai tumpuan dan fokus.

"Dari aspek pelestarian budaya sebagai tanda tamadun dan peradaban, kita turut berbangga dengan usaha-usaha Dewan Bahasa dan Pustaka, Muzium-muzium dan Pusat Sejarah Brunei sehingga berjaya meningkatkan jumlah pengunjung secara signifikan. Pencapaian ini akan diteruskan lagi dengan usaha penjenamaan semula Perpustakaan - perpustakaan

Dewan Bahasa dan Pustaka serta inisiatif berterusan untuk memartabatkan lagi bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara. Tidak ketinggalan, PKWE, Penubuhan Warga Emas, Majlis Wanita, MKOKU dan Majlis Belia Brunei dalam meraih pencapaian-pencapaian," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, beberapa tahun yang lalu turut menandakan permulaan tiga projek yang dijangka akan memberikan impak yang besar di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, iaitu penaiktarafan Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan penaiktarafan Muzium Brunei, Kota Batu dan pembinaan Unit Perlindungan baharu Kompleks Rumah Kebajikan (KRK).

Di samping itu juga tambah Yang Berhormat, Galeri Seni di Bangunan Kastam Lama juga sudah mula diubahsuai dengan kerjasama rakan strategik dari pihak swasta dan akan meningkatkan lagi kualiti prasarana yang akan dapat dinikmati oleh orang awam.

Oleh yang demikian ujar Yang Berhormat, demi menyelaraskan, meneruskan dan mempertingkatkan lagi pencapaian KKBS, di sinilah peranan Pelan Strategik KKBS 2020-2024 untuk menyatukan visi, hati, minda dan hala tuju sebagai buku panduan milik semua.

Pelan Strategik itu kata Yang Berhormat, mengambil kira perubahan persekitaran sektor awam, sosioekonomi, sosiokebudayaan dan keperluan *stakeholders* ke arah mencapai visi Bangsa Brunei Cemerlang yang diselarasakan dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 yang menyatukan bidang tugas 4K, iaitu Kemasyarakatan, Kebeliean, Kesukanan dan Kebudayaan, dan memberikan hala tuju yang terperinci dalam perjalanan untuk merealisasikan lima pencapaian visi yang merentasi empat bidang tersebut dan kesejahteraan kesemua warga KKBS, iaitu Masyarakat Progresif, Belia Siaga Masa Depan, Negara Sukan Yang Gemilang, Budaya Dinamik dan Pengukuhan Warisan, dan Persekitaran Kerja Inklusif dan Produktif.

Sebagai pelan strategik menurut Yang Berhormat, apa yang penting adalah penekanan betapa pentingnya untuk menghayati Maqasid Al-Syariah sebagai panduan utama yang membentuk lima nilai teras dalam melaksanakan amanah kita, iaitu klien didahulukan, profesionalisme, kecemerlangan, integriti dan kerjasama.



Memastikan kanak-kanak jalani kehidupan lebih selamat, berkualiti

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Buku Rangka Kerja Kebangsaan Bagi Perlindungan Kanak-Kanak (National Framework on Child Protection - NFCP) adalah sebagai tambahan (compelement) kepada aspirasi yang dihuraikan dalam Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) 2020-2024.

NFCP bertujuan untuk memperkukuhkan lagi ekosistem perlindungan kanak-kanak dan orang muda di negara ini, khususnya dari segi pemantauan dan koordinasi di antara agensi-agensinya yang bertanggungjawab ke arah keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak kita semua.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menjelaskan perkara tersebut semasa Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik KKBS 2020-2024, Buku Rangka Kerja Kebangsaan Bagi Perlindungan Kanak-Kanak (NFCP) dan Penyerahan Geran Mikro Keusahawanan yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan KKBS, di sini.

"Kita amat berbangga dan berbesar hati pembentukannya adalah hasil penglibatan dan kerjasama padu pihak agensi-agensi berkenaan melalui pendekatan Whole of Nation. Kepada rakan-rakan strategik agensi kerajaan dan bukan kerajaan, terima kasih, dan khususnya kepada Baiduri Bank bagi penerbitan buku ini," ujar Yang Berhormat.

Atas nilai tambah kata Yang Berhormat, sumbangan dan penglibatan berterusan daripada pihak yang terlibat, Rangka Kerja tersebut akan memenuhi hasratnya sebagai wadah tanggungjawab sosial Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan setiap kanak-kanak di negara ini dapat menjalani kehidupan yang lebih selamat dan berkualiti, tidak ada ketirisan dengan mempunyai akses kepada keperluan asas dan yang paling mustahak, dan diberikan perlindungan sepanjang hayat.

Ke arah itu menurut Yang Berhormat, satu *database* lengkap, iaitu Register of Children and Young Persons in Need of Protection juga akan ditubuhkan demi memastikan pemantauan yang lebih efisien terhadap sistem perlindungan kanak-kanak dengan agensi yang berkenaan dengan mengkoordinasikan intervensi dan perlindungan bagi mereka yang berisiko tinggi demi menghindari sebarang ketirisan.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan perasaan berbesar hati kerana majlis pada hari ini juga diselenggarakan dengan penyerahan *micro-grant* kepada Siege Pollyfox Enterprise milik belia tempatan yang mengendalikan perusahaan *bodywork* kenderaan.

Selaras dengan matlamat Pelan Strategik KKBS 2020-2024, penyerahan *micro-grant* tersebut merupakan satu lagi usaha untuk memperkasa golongan belia yang dikenal pasti untuk menjalankan perusahaan sendiri, ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, ia adalah penambahan kepada kemudahan inkubator yang diberikan kepada lepasan Pusat Pembangunan Belia yang bertujuan untuk terus memberikan sokongan kepada mereka untuk menjadi belia Brunei yang mandiri dan mampu untuk menjana sumber kewangan sendiri.

"Dengan adanya inisiatif-inisiatif ini, peramba / saya amat yakin, ia bukan sahaja akan memberikan panduan kepada orang ramai terhadap perkara-perkara yang berkenaan, malah apa yang lebih penting, selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ia adalah satu *extension* kepada Pelan Strategik KKBS 2020-2024 yang akan terus memberikan nilai tambah untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat serta golongan sasaran, melestarikan budaya sebagai tanda tamadun dan peradaban dan seterusnya mencapai visi Bangsa Brunei Cemerlang yang maju, inklusif dan mampan sepertimana yang dihasratkan," jelas Yang Berhormat.

Dalam mengakhiri ucapannya, Yang Berhormat menyarankan agar mereka sama-sama bergerak ke hadapan dan bekerja keras untuk melaksanakan Pelan Strategik berkenaan dan dalam masa yang sama, pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kesejahteraan terhadap warga kementerian tidak akan dilupakan dan akan sentiasa memastikan keseimbangan antara pencapaian aspirasi pelan strategik dengan kewajipan untuk menjaga kebajikan setiap warga.

Teruskan usaha, tingkatkan kerjasama hasilkan *marketable*



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

TANAH JAMBU, Isnin, 21 Disember. - Pencapaian para Graduan lepasan Pusat Pembangunan Belia (PPB) menunjukkan tiada yang mustahil, hasil kerja keras dan semangat para graduan sendiri.

Ia bukan perkara yang mudah untuk mempelajari kemahiran baharu tetapi atas titik peluh dan kerajinan, setiap graduan menunjukkan kebolehan yang

sebenar sebagai orang yang amat bernilai kepada keluarga dan masyarakat.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa Majlis Konvokesyen PPB, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), yang berlangsung di Dewan Binadiri, PPB, di sini.

"Saya ingin membawa para graduan untuk sama-sama mengimbas kembali kepada sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah semasa Majlis Pelancaran BIBD Youth Empowerment Summit, pada 12 Disember 2020. Duli Yang Teramat Mulia telah menyeru bagi para belia untuk tidak mudah mengalah dan apa yang paling mustahak, sentiasa mencabar diri untuk menjadi lebih baik," jelas Yang Berhormat.

Dengan kemahiran yang dipelajari, tambahnya, tiada alasan bagi para graduan untuk tidak mencabar diri, seterusnya, melangkah ke hala baharu, bermula hari ini, kerana di samping

latihan kemahiran, para graduan juga dibentuk untuk mempunyai jati diri yang hebat kerana ilmu tanpa akhlak setentunya tidak mempunyai sebarang makna.

Oleh yang demikian, jelasnya, percayalah kepada diri sendiri, tingkatkanlah kesabaran dan ingatlah, segala usaha juga pekerjaan itu memang bermula dari bawah hingga maju ke peringkat-peringkat seterusnya, atas usaha keras diri sendiri.

"Oleh itu, pada menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, jadilah anak Brunei yang mempunyai modal insan yang berkualiti, berakhlak mulia serta tidak mengetahui perkataan 'kalah', terutamanya dalam melangkah ke alam pekerjaan yang akan datang," sarannya lagi.

Tidak dinafikan, tambahnya, bahawa apa yang penting ialah sokongan setiap pihak melalui pendekatan Whole of Nation bagi memastikan para graduan diberikan peluang dan mampu untuk mencapai yang terbaik.

Menurutnya lagi, langkah yang telah dan terus diambil PPB dalam meningkatkan jumlah graduan, mencapai objektif yang dihasratkan, iaitu *marketable* untuk diambil bekerja,

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Azmah Haji Ahad

mengendalikan perusahaan sendiri atau berkeupayaan untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi.

Dalam masa yang sama, ujarnya, usaha-usaha berterusan PPB sangat dibanggakan untuk memastikan latihan-latihan kemahiran yang ditawarkan adalah benar-benar *market-driven* bagi kursus jangka masa panjang mahupun kursus singkat.

Di samping itu, jelasnya, penambahan skop PPB, meliputi latihan dan kemudahan inkubator bagi golongan-golongan masyarakat lain, khususnya golongan sasaran juga amat disambut baik juga terus menunjukkan impak yang dihasratkan bagi golongan berkenaan.

"Oleh itu, teruskanlah usaha ini dan tingkatkanlah lagi kerjasama bersama rakan-rakan strategik, termasuk Manpower Planning and Employment Council (MPEC); Manpower Industry Steering Committee (MISC); JobCentre; Life Long Learning (L.Cube) Centre, di bawah Kementerian Pendidikan; dan pihak-pihak industri untuk terus menghasilkan graduan yang menyeluruh,

marketable dan benar-benar tepat dengan kehendak pasaran.

"Sasaran kita tetap bagi 100 peratus daripada graduan untuk diambil bekerja, memulakan perusahaan persendirian atau melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi, terutamanya bagi para lepasan Kursus Jangka Masa Panjang," jelasnya lagi.

Ke arah ini, terangnya, inisiatif hendaklah terus tertumpu dan ditingkatkan lagi kepada pencarian pekerjaan wajar bagi para graduan, dan kita amat berbangga kursus-kursus baharu dan *high demand* seperti Kursus Tukang Daging (Butchery), gunting rambut, jahitan telah dan akan terus dikendalikan, di samping menasaskan bagi Kursus Pemandu Jentera Berat (Heavy Vehicle Driver Training) untuk dimulakan dalam masa yang terdekat.

Dengan hala tuju itu, Yang Berhormat amat yakin setiap Graduan PPB akan berada di puncak kejayaan yang memberikan kesan tinggi kepada negara, mencapai cita-cita masing-masing, seterusnya mencapai matlamat Wawasan Negara 2035.

285 graduan PPB diraikan

TANAH JAMBU, Isnin, 21 Disember. - Seramai 285 graduan Pusat Pembangunan Belia (PPB), terdiri daripada pelatih yang telah menamatkan pengajian, pada sesi Julai 2018, Januari 2019 dan Julai 2019 menerima sijil setelah berjaya menamatkan kursus masing-masing.

Sehubungan itu, pada Majlis



Konvokesyen PPB, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), yang berlangsung pada sebelah pagi, di Dewan Binadiri, PPB, di sini, seramai 151 graduan menerima persijilan City & Guilds Level 2, 1 dan Skills Proficiency bagi Sesi Januari juga Sesi Julai 2019.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada para graduan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sementara itu, pada sebelah petang pula, penyampaian sijil disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan

PENOLONG Pengarah PPB, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Majlis semasa berucap.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan Anugerah Pelatih Cemerlang kepada Awang Abdul Mushawwir @ Asrul bin Haji Kamis.

Estet), KKBS, Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud kepada 134 graduan yang menerima persijilan City & Guilds Level 2, 1 dan Skills Proficiency bagi Sesi Januari 2018; dan Persijilan Kemahiran PPB bagi Sesi Julai 2018, Sesi Januari dan Sesi Julai 2019.

Para penerima sijil terdiri daripada mereka yang mengikuti Level 2 Award in 2D Computer Aided; Level 1 Diploma Accident Repair Body; ITQ Level for IT User; Level 1 Certificate in Food Preparation and Cooking / Skills Proficiency Certificate in Food Preparation and Cooking; Level 1 Certificate in Food and Beverage Service / Skills Proficiency Certificate in Food and Beverage Service; Level 1 Certificate in Engineering Fabrication and Welding Technology; Level 1 IVQ Certificate in Refrigeration and Air Conditioning / Skills Proficiency Certificate in Basic Refrigeration and Air Conditioning; Skills Proficiency Certificate in Basic Plumbing; Sijil Kemahiran Computer Aided Design; Sijil Kemahiran Penghawa Dingin dan Pendinginan; Sijil Kemahiran Pemasangan Paip Air Domestik; Sijil Kemahiran Teknologi Rekaan Fesyen; Sijil Kemahiran Terapi Kecantikan; Sijil Kemahiran Baik Pulih Kenderaan; juga Sijil Kemahiran Seni Kulinari dan Bankuet.

Terdahulu, Penolong Pengarah PPB, Dayang Fauziah binti Haji



SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) semasa menyempurnakan penyampaian sijil kepada graduan PPB yang diraikan pada sebelah petang (atas), sementara gambar kiri, terpancar pengembiran pada setiap wajah para graduan PPB yang berjaya menamatkan pengajian mereka.

Mohd. Salleh selaku Pengerusi Majlis, antara lain melahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada para graduan atas

kejayaan mereka menamatkan kursus di bidang masing-masing.

Ke muka 11

Ahli-ahli MMN lawat Jabatan Perkhidmatan Pos



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa siri Lawatan Kerja ke Jabatan Perkhidmatan Pos, Cawangan Pejabat Pos Pusat Memproses Mel, Lapangan Terbang Lama Berakas.



Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Isnin, 21 Disember. - Bagi mendapatkan maklumat terkini dan mengetahui akan

PEMANGKU Ketua Pos Agung, Awang Haji Md. Azlan bin Haji Md. Junaidi semasa memberikan taklimat semasa siri lawatan berkenaan.

perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan, Jabatan Perkhidmatan Pos pagi tadi menerima lawatan daripada rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dalam siri Lawatan Kerja ke jabatan tersebut di Cawangan Pejabat Pos Pusat Memproses Mel (MPC), Lapangan Terbang Lama Berakas, di sini.

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN berkesempatan untuk mengetahui lebih lanjut perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan ini, seperti Perangkaan Keluar dan Masuk Mel Suku Tahun 2020, di samping itu, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN berpeluang mendengarkan taklimat bagi maklumat mengenai jumlah perangkaan tahunan bagi suku tahun 2020.

Perangkaan tersebut juga antara lain mengandungi beberapa maklumat mengenai jumlah perangkaan tahunan keluar dan masuk mel (Mel Tempatan dan Mel Antarabangsa).

Selain itu, antara perangkaan yang dikongsikan adalah seperti mel yang sudah diproses, kemudiannya dibahagikan kepada beberapa pecahan seperti paket kecil, surat atau mel berdaftar, surat biasa dan bahan bercetak (*printed matters*).

Juga mendapat perhatian lawatan rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN ialah kawasan Pemrosesan dan Kuarantin, di mana sejak pandemik COVID-19 dikesan pada awal tahun 2020, inisiatif tersebut telah diambil bagi mengetatkan lagi pemrosesan beg mel yang tiba di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Ahli-ahli MMN juga menyaksikan Bilik Container yang dibina bagi tujuan pemrosesan dan kuarantin serta fogging ke atas beg-beg mel yang baru tiba. Inisiatif pembinaan Bilik Container tersebut telah siap pada bulan November 2020.

Selain itu, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN turut melawat RFID Gate (GMS Letter Performance) yang dipasang pada pertengahan tahun 2019, yang berfungsi bagi memantau dan

mengukur prestasi penghantaran mel-mel yang diproses di pusat tersebut.

Setakat bulan Oktober 2020, proses sistem tersebut memberikan prestasi pemrosesan dalam tahap 100 peratus.

Manakala pada bahagian X-Ray Area (PPE), Yang Berhormat Ahli-ahli MMN berpeluang melihat mel yang tiba di MPC dan proses akan melalui dua langkah atau proses utama, iaitu mel berkenaan akan menjalani tapisan pemeriksaan X-Ray yang akan dibuat oleh pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan seterusnya akan dicop dengan label hijau atau label merah.

Sementara itu, mel yang sudah diproses kemudiannya akan dibahagikan kepada pecahan seperti paket kecil, surat atau mel berdaftar, surat biasa dan bahan bercetak (*printed matters*).

Selain itu, perkhidmatan eKadaiBrunei yang menampilkan pameran Perusahaan Kecil dan Sederhana atau dikenali dengan SME Logistics Partner EMS Poslaju selaku rakan kongsi logistik dan melalui rakan kongsi tersebut, jabatan ini juga memberikan tawaran Perkhidmatan Poslaju (Domestik) dan EMS SpeedPost (Antarabangsa).

Perkhidmatan eKadaiBrunei merupakan direktori dalam talian bagi menghubungkan SMEs / eCommerce Market Place inisiatif daripada Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) yang mula diperkenalkan sejak April 2020 dengan hasrat untuk memudahkan orang ramai membuat pembelian secara dalam talian.

Turut hadir semasa lawatan tersebut, Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif (AITI); Pengarah - pengarah dan Pegawai - pegawai Kanan MTIC.

Makluman penutupan sementara

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai penutupan sementara bagi ujian *swab* di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Talian Nasihat Kesihatan 148.

Penutupan tersebut ialah pada Jumaat, 25 Disember 2020 dan Jumaat, 1 Januari 2021 iaitu bagi perkhidmatan ujian *swab* di Kompleks Sukan, Hospital RIPAS dan Talian Nasihat Kesihatan 148.

Manakala kedua-dua perkhidmatan tersebut akan dibukakan kepada orang ramai pada 26 Disember 2020 dan 2 Januari 2021 mengikut waktu operasi seperti iaitu bagi ujian *swab* di Kompleks Sukan, Hospital RIPAS, waktu operasi ialah setiap hari bermula jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam dan akan ditutup pada Hari Kelepasan Awam.

Seterusnya, bagi perkhidmatan Talian Nasihat Kesihatan 148 pula, waktu operasi ialah setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu iaitu bermula jam 7.45 pagi hingga 4.30 petang, manakala Jumaat pula, bermula pada jam 8.00 pagi hingga 12 tengah hari dan akan ditutup pada setiap Ahad dan Hari Kelepasan Awam.

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi dari perubahan waktu operasi tersebut. Untuk maklumat lanjut, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa.

Perkhidmatan	Tarikh Penutupan
Ujian Swab di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha	25 Disember 2020 (Jumaat) & 1 Januari 2021 (Jumaat)
Talian Nasihat Kesihatan 148	
Perkhidmatan	Waktu Beroperasi
Ujian Swab di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha	Setiap Hari 7.00 pagi – 10.00 malam *Tutup pada hari kelepasan awam
Talian Nasihat Kesihatan 148	Isnin – Khamis & Sabtu 7.45 pagi – 4.30 petang Jumaat 8.00 pagi – 12 tengah hari *Tutup pada setiap hari Ahad dan hari kelepasan awam

285 graduan PPB diraikan

Dari muka 10

Menurutnya, kejayaan tersebut adalah hasil usaha gigih mereka dengan sokongan padu daripada ibu bapa, penjaga dan keluarga juga tunjuk ajar daripada tenaga-tenaga pengajar yang komited dan berdedikasi.

"Semoga kejayaan ini akan berterusan dan menjadi motivasi kepada bakal-bakal penerima sijil bagi menghadapi cabaran kehidupan dan dapat menggunakan ilmu juga kemahiran yang dipelajari dan pengalaman yang diperoleh dalam apa juga bidang kerjaya masing-masing," tambahnya lagi.

Pada majlis tersebut, seramai tiga graduan terpilih untuk menerima Anugerah Pelatih Cemerlang bagi Sesi Julai 2018, Sesi Januari dan Sesi Julai 2019.

Bagi Sesi Julai 2018, Anugerah Pelatih Cemerlang diterima oleh Awang Muhammad Wazien bin Shahrin dari Kursus *Skills Proficiency Certificate in IT For Office Application / Level 1 Certificate in IT Users*, manakala Anugerah Pelatih Cemerlang Sesi Januari 2019 diterima Dayang Siti Nur Zaimah binti Zaini dari Kursus *Skills Proficiency Certificate in Plumbing*.

Sementara itu, bagi Sesi Julai 2019, Anugerah Pelatih Cemerlang diterima oleh Awang Abd. Mushawwir @ Asrul bin Haji Kamis dari Kursus *Skills Proficiency Certificate in IT For Office Application / Level 1 Certificate in IT Users*.

PPB akan sentiasa terus mengorak langkah dalam meningkatkan lagi usaha-usaha ke arah melahirkan belia-belia

berkemahiran, berdaya saing juga mempunyai ciri-ciri positif yang lain demi pembangunan sosioekonomi selaras dengan Dasar Belia Negara dan Wawasan Negara 2035.

Kerjasama dan sokongan daripada semua pihak baik di peringkat keluarga, masyarakat, pihak kerajaan dan swasta merupakan asas dalam memastikan kejayaan ini dapat dicapai.

Antara matlamat Majlis Konvokesyen PPB adalah untuk memberikan keyakinan diri, galakan dan dorongan juga penghargaan kepada pelatih-pelatih yang menamatkan kursus, di samping memberikan dorongan kepada mereka, seterusnya agar mereka berusaha dengan keupayaan dan kemampuan yang ada untuk mencapai kejayaan.

COVID-19 : Tidak ada kes aktif

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 152 kes. Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	152		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	0	3	149

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (229 hari yang lalu)	11 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
732	9,637

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
360 sampel	81,466

memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 229 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 11 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, tidak ada kes aktif dicatat mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 149 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 732 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 9,637 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 360 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 81,466 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Diragui kehalalannya : Daging dirampas



MELALUI Operasi Bersepadu tersebut, pihak penguatkuasa berjaya merampas daging-daging yang diragui kehalalannya (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Pegawai-pegawai Penguatkuasa Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bersama agensi penguatkuasa undang-undang dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), pada 17 Disember 2020 lalu melaksanakan Operasi Bersepadu di dua buah kediaman berasingan, iaitu di Kampung Perpindahan Lambak Kanan dan Kampung Katok 'B'. Melalui Operasi Bersepadu tersebut, pihak penguat kuasa berjaya merampas daging-daging yang diragui kehalalannya, iaitu 16.5kg sayap ayam; 10kg tongkeng ayam; 10kg daging ayam; 10kg daging kambing; dan 24.2kg tulang daging. Rampasan juga melibatkan 44 paket sosej, jenama Ayamas, yang tidak diisytiharkan kepada pihak Kastam. Kesemua barang rampasan dibawa ke Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal

Syariah dan dijalankan siasatan lanjut oleh JKED.

Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah akan sentiasa menjalankan operasi dan pemantauan dari semasa ke semasa untuk memastikan peruntukan-peruntukan, di bawah Akta Daging Halal, Penggal 183 dan Aturan-aturannya sentiasa dipatuhi oleh pengedar dan penjual daging-daging mentah di Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu, orang ramai diingatkan bahawa setiap kemasukan daging halal ke negara ini hendaklah mempunyai kebenaran dari Majlis Ugama Islam Brunei dengan mengikuti proses-proses yang ditetapkan.

DARI MAHKAMAH

Permohonan ikat jamin suspek bunuh ditolak

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Dua suspek yang menghadapi pertuduhan membunuh pembantu rumah warga Indonesia gagal untuk dibenarkan diikat jamin sementara menunggu perbicaraan.

Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon menolak rayuan ikat jamin dua suspek, iaitu Hassan bin Yusoff, 65 tahun dan Rosnani binti Tanga, 51 tahun.

Dua suspek didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Jalan Derma Wangsa, Kuala Belait.

Ketua Hakim Mahkamah Besar mengeluarkan perintah tersebut selepas mendengar permohonan pihak Pendakwa Raya, Hajah Rozaimah binti Haji Abd. Rahman di Mahkamah Tinggi.

Keduanya-dua suspek direman selama dua minggu bagi membantu siasatan dan akan diperdengarkan lagi pada 4 Januari 2021, jam 2.00 petang.

Terdahulu, Mahkamah Tinggi mendengar hujah Peguambela DC Roy Prabhakaran, keduanya-dua suspek diberikan jaminan perhubungan pertuduhan membunuh. Keduanya-dua suspek berhadapan pertuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Jenayah, Penggal 22 kerana membunuh.

Dipenjara akibat gagal membayar denda

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman tiga bulan penjara setelah gagal membayar denda BND1,500 atas kesalahan memakan dadah terkawal.

Hukuman dijatuhkan oleh Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid ke atas Mohamad Hafiz bin Sufri (defendan) di Mahkamah Majistret, hari ini.

Pada 21 April 2018, defendan diserahkan oleh anggota Pasukan Polis Diraja Brunei kepada pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN) bagi ujian air kencing yang kemudiannya diserahkan ke Jabatan Perkhidmatan Saintifik untuk dianalisis.

Setelah dianalisis, hasil ujian air kencing defendan didapati positif mengandungi dadah di bawah Seksyen 6(b) memakan dadah terkawal jenis 'A' Methylamphetamine.

Pendakwaan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 yang dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Md. Syazwan bin Hairul juga menyatakan bahawa defendan tidak mempunyai rekod kesalahan yang lalu di bawah akta yang sama.

Dipenjara 4 tahun atas kesalahan mencabul

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Akibat perbuatan tidak senonoh, seorang lelaki warga tempatan (defendan) dijatuhkan hukuman empat tahun penjara di Mahkamah Majistret hari ini.

Ketua Majistret, Yang Arif Pengiran Masni binti Pengiran Haji Bahar menjatuhkan hukuman tersebut bagi dua pertuduhan masing-masing di bawah Seksyen 354B juga di bawah Seksyen 354, Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Defendan, 51 tahun, didakwa melakukan kesalahan mencabul kehormatan dua anak tirinya (mangsa pertama dan kedua) yang berumur 11 dan 13 tahun.

Dalam kejadian, defendan melakukan perbuatan yang menjijikkan ke atas mangsa pertama yang berumur 11 tahun pada tahun 2019, manakala pada tahun 2017, defendan telah melakukan perkara yang tidak senonoh terhadap mangsa kedua.

Bagi pertuduhan ke atas mangsa pertama, defendan dijatuhkan hukuman tiga tahun penjara, sementara bagi mangsa kedua, defendan dijatuhkan hukuman satu tahun penjara, di mana Yang Arif Pengiran Masni juga memerintahkan agar kedua-dua hukuman berjalan serentak.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Raihan Nabilah binti Haji Ahmad Ghazali.

Kontinjen UNIFIL harumkan nama negara

Oleh :
Dk. Siti Redzaimi Pg.
Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Seramai 30 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di bawah Batalion Malaysia 850-07 telah kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 4 Disember lalu setelah penempatan selama 13 bulan di bawah misi pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lebanon (UNIFIL).

Kepulauan kontinjen negara yang diketuai oleh Mejar Mohd. Hishamuddin bin Haji Marzoki itu diraikan di Dewan Serbaguna, Bolkliah Garison, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemerintah Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier Jeneral Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Karim.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Ketua Staf ABDB, Pengarah-pengarah, Timbalan-timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, Komandan - komandan, Pegawai-pegawai Kanan dan Pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan ABDB, serta para perwakilan dari Suruhanjaya Tinggi Malaysia.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan pembukaan rencana dan sesi bergambar ramai.

Sebelum kepulauan mereka, anggota-anggota ABDB tersebut juga menerima Pingat Perkhidmatan Negara Bangsa-Bangsa Bersatu yang disampaikan oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia di Pusat Latihan Asas Tentera Darat, Port Dickson, Negeri Sembilan, Tan Sri Dato Sri Haji Affendi bin Buang pada 3 Disember lalu.

Pingat tersebut menandakan kejayaan kontinjen MALBATT 850-07 dalam misi UNIFIL dan penyerahan tugas secara rasmi kepada MALBATT 850-8.

Kepulauan anggota ABDB mengharumkan nama NBD, terutama di pentas antarabangsa dan akan dicatatkan lagi dalam lipatan sejarah kisah pengorbanan, sumbangan dan jasa dalam melaksanakan tanggungjawab kepada negara.

PEMERINTAH Angkatan Bersama ABDB, Brigedier Jeneral Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Karim semasa menyempurnakan rencana kepada anggota ABDB yang kembali ke negara ini setelah penempatan selama 13 bulan di bawah misi pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lebanon (UNIFIL) (kiri dan kanan), manakala gambar bawah anggota ABDB yang diraikan bertempat di Dewan Serbaguna, Bolkliah Garison.



Tingkat industri perikanan negara

Dari muka 6

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Puan Yang Terutama Yu Hong. Acara turut menyaksikan dua lagi penandatanganan perjanjian iaitu antara MPC dengan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) serta MPC dengan Bank of China (BOC).

Mewakili MPC bagi menandatangani MoU ialah Pengarah Perkembangan Pemasaran dan Perniagaan, Zhong Kunyu dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Kewangan, Lyu Guoli manakala BIBD diwakili oleh Ketua Perbankan Korporat BIBD, Koh Swam Sing dan disaksikan oleh Ketua Struktur Kewangan dan Bahagian Perbankan Korporat, BIBD, Awang Abd. Azim bin Haji Mohammad.

Manakala bagi penandatanganan antara MPC dengan BOC, pihak MPC diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi, Awang Mohd Fazilah bin Haji Mohd Yassin dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Zeng Caili, sementara pihak BOC ditandatangani oleh Timbalan Pengurus Am, Zhong Gang dan disaksikan oleh Ketua Bahagian Perbankan Korporat, Qu Pengcheng.

Dalam ucapannya, Ketua Pegawai Operasi, MPC, Awang Mohd Fazilah berkata, kerja-kerja pelaksanaan dan operasi projek

tersebut akan bermula pada suku pertama 2021, yang akan membawa peluang-peluang ekonomi dan sosial yang baharu bagi negara ini.

MPC jelasnya, ingin melihat kesinambungan usaha bersama bagi membina kerjasama jangka panjang dan strategik antara anak syarikat baharu dan pihak kerajaan.

Tambahnya, penandatanganan MoU antara MPC dengan BIBD dan BOCB dihasrat untuk mengukuhkan kerjasama antara pihak bank serta membina perkongsian berharga bagi masa depan. Majlis diikuti dengan tayangan video pendek mengenai projek yang akan dilaksanakan nanti.

Melalui Projek Kerjasama Awam Swasta ini, ia akan memberi manfaat yang antara lain meningkatkan kelancaran dan keselamatan navigasi semasa kapal keluar masuk dan merapat di jeti pendaratan ikan selain meningkatkan kapasiti jumlah kapal untuk bertambat di jeti pendaratan ikan di mana jumlah kapal dijangka akan terus meningkat.

Ia juga dapat memperbaiki kelancaran aliran produk (*product flow efficiency*) dan kebersihannya dari pendaratan hingga ke kilang pemrosesan, bagi memastikan produk-produk daripada perusahaan kapal menangkap ikan komersial dan

perusahaan ternakan ikan dalam sangkar di luar dan di persisiran pantai, mematuhi pengawalan kualiti dan keselamatan makanan seperti yang dipersyaratkan oleh undang-undang tempatan dan negara pengimport termasuk keperluan bagi memasuki pasaran Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Australia, Republik Rakyat China dan Jepun.

Dalam masa yang sama menjadikan kawasan Kompleks Pendaratan Ikan Muara sebagai sebuah persekitaran kerja yang selamat untuk semua pekerja, kakitangan dan pengguna.


Projek ini juga akan menjana lebih 200 peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan bagi mengisi jawatan-jawatan seperti pengurus atau pekerja kilang, pengawas jeti kompleks, pegawai penyelenggara (*maintenance*), pembantu teknik, jurujual, pekerja pembantu, pemandu, pembersih, pengawal premis, penjaga stor dan sebagainya.

Pada fasa pertama MPC akan menyuntik sejumlah lebih BND14 juta pelaburan ke dalam projek ini dan akan membantu meningkatkan pengeluaran industri perikanan negara menjelang tahun 2035 malah ia juga setentunya akan meningkatkan sumbangan eksport perikanan kepada ekonomi negara.



كَمَنْتَرِين كَمِيحَاتِين
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

NASIHAT KEPADA PENIAGA MAKANAN UNTUK MENGURANGKAN PENYEBARAN COVID-19

 Amalkan kebersihan diri yang baik semasa mengendalikan makanan.	 Kerap mencuci tangan dengan sabun dan air selama tidak kurang dari 20 saat.	 Kerap mencuci dan menyah-kuman semua permukaan tempat kerja. Gunakan sabun pencuci atau pembasmi yang mengandungi 60-70% alkohol.
 Menyediakan sanitiser tangan bagi pelanggan yang masuk dan keluar dari premis makanan.	 Amalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1-2 meter. Elakkan berhubung-rapat dengan sesiapa yang tidak sihat.	 Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) seperti penutup muka & sarung tangan boleh mengurangkan penyebaran COVID-19 jika digunakan dengan betul.
 Amalkan kebersihan respiratori yang baik. Tutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin. Buang tisu dan cuci tangan.	 Pengendali makanan yang tidak sihat hendaklah memaklumkan pengurus & tidak bertugas. Jika perlu, hubungi talian 148 untuk mendapatkan nasihat kesihatan.	 Sediakan garis panduan pengurusan kakitangan yang tidak sihat. Ini termasuk panduan bagi kakitangan yang mula jatuh sakit semasa bertugas di premis makanan.

Talian Nasihat Kesihatan 148 | www.moh.gov.bn

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Timbalan Menteri

Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang berkenaan.

Santai Bersama Keluarga labuhkan tirai

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Acara Santai Bersama Keluarga (SBK) anjuran Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) dengan kerjasama pihak pengurusan Hotel Wafa dan Apartmen, Kompleks Annajat melabuhkan tirainya hari ini.

Aktiviti riadah yang melibatkan penyertaan 25 buah keluarga daripada kalangan klien-klien MKM dari Daerah Brunei dan Muara berakhir dengan Majlis Penutup yang dihadiri oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut selaku tetamu kehormat.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian cenderamata kepada ketua-ketua keluarga dan penaja.

Antara tujuan utama SBK diadakan ialah untuk mengeratkan hubungan silaturahim khususnya dalam kalangan ahli keluarga klien MKM yang merupakan salah satu platform bagi

meningkatkan semangat kekeluargaan dan rasa cinta penuh kasih antara anak-anak dan ibu bapa dengan menyertai aktiviti-aktiviti menarik yang disusun oleh pihak penganjur.

Sebelum ini, SBK juga telah dilaksanakan bagi klien-klien dari Daerah Temburong pada 10 Disember dan bagi klien dari Daerah Tutong dan Daerah Belait pada 16 Disember yang lalu.

Program SBK berjaya dilaksanakan dengan adanya sokongan daripada pihak pengurusan Hotel Wafa dan Apartmen, Kompleks Annajat dengan menaja kemudahan-kemudahan yang terdapat di hotel berkenaan seperti kolam renang dewan dan Taman Air untuk digunakan oleh

para peserta sepanjang tiga kali acara SBK berlangsung.

Selain itu Syarikat Frema Travel juga menaja pengangkutan percuma mengambil dan menghantar para peserta dari Daerah Temburong, Daerah Tutong dan Belait dengan menggunakan tiga buah bas dan kerjasama daripada para dermawan, Ahli-ahli MKM, Youth Wing MKM serta warga kerja Firma Guaman YHP.

MKM merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan yang ditubuhkan sejak bulan Disember 2009 dengan objektif untuk membantu menangani isu-isu sosial di negara ini, iaitu ke arah meningkatkan kebajikan bagi golongan yang kurang berkemampuan.



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) semasa hadir bagi menyempurnakan penyampaian cenderamata kepada ketua keluarga.



SUASANA ceria pada Majlis Penutup Program Santai Bersama Keluarga anjuran Majlis Kesejahteraan Masyarakat bagi klien-klien dari Daerah Brunei dan Muara.

Wujudkan program bahasa Arab secara jarak jauh

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

GADONG, Selasa, 22 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Bahasa Arab dengan kerjasama enam buah institusi iaitu Rabitah Alumni Al-Azhar Cawangan Brunei, Saudi Electronic University (Saudi Arabia), Tokyo University (Jepun), Prince Songkla University (Thailand), Al-Madinah International University (Malaysia) dan Mindanao State University (Filipina) mengadakan Webinar Antarabangsa yang memfokuskan kepada skop 'Pengalaman Institusi Dalam Pengajaran Bahasa Arab bagi Bukan Penuturnya Secara Jarak Jauh' bersempena Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia 2020.

Penolong Rektor Akademik dan juga Dekan Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad mengongsikan tujuan Webinar Antarabangsa ini diadakan antaranya mewujudkan satu platform bagi perkongsian dan pertukaran ilmu, pengalaman serta inisiatif sesama universiti atau persatuan dalam bidang pengajaran bahasa Arab bagi bukan penuturnya secara jarak jauh.

Selain itu, menemukan amalan terbaik dalam usaha memperkenalkan dan memperkukuh lagi sistem pengajaran bahasa Arab bagi bukan penuturnya secara jarak jauh dan mengumpulkan kumpulan pakar dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua bagi dimanfaatkan dalam bidang ilmiah seperti penyelidikan, penerbitan dan sebagainya.

Manakala akhir sekali, menghidupkan Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia dan memartabatkan lagi penggunaan bahasa Arab.

Seramai enam orang pembentang membicarakan pengalaman institusi masing-masing mengikut lima buah negara iaitu Negara Brunei Darussalam (NBD), Saudi Arabia, Tokyo, Malaysia, Thailand dan Filipina.

Mewakili NBD ialah Penolong Rektor Akademik dan juga Dekan Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara yang juga merupakan Naib Raes II Rabitah Alumni Al-Azhar cawangan Brunei.

Mewakili Arab Saudi pula ialah Profesor Dr. Abdulmohsen Aloqailli, manakala Dr. Salah Medani Mohamed mewakili Tokyo, Profesor Dr. Daud Abdul Qadir Elegia pula mewakili Malaysia dan seterusnya, Dr. Rushdi Tahir mewakili Thailand dan akhir sekali, Dr. Anwar M. Radiamoda mewakili Filipina. Moderator bagi Webinar tersebut ialah Penolong Profesor dan Timbalan Dekan Fakulti Bahasa Arab UNISSA, Dr. Salah Sebouai.

Webinar ini bukan sahaja dilaksanakan secara virtual atau dalam talian bahkan wakil-wakil dari semua sekolah Arab di seluruh negara juga turut dijemput bagi sama-sama mengikuti Webinar secara langsung di UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal. Dalam majlis tersebut, tetamu kehormat juga berkesudian untuk

menyampaikan ucapan bagi mengalu-alukan semua pembentang dan peserta Webinar dalam dan luar negara.

Antara rumusan Webinar tersebut ialah kepentingan mewujudkan program bahasa Arab secara jarak jauh lebih-lebih lagi ketika mana dunia berhadapan dengan pandemik COVID-19, berterusan memperkasa dan memperkukuhkan lagi sistem pengajaran bahasa Arab bagi bukan penuturnya secara jarak jauh menerusi pertukaran kepakaran dan pengalaman di antara institusi-institusi yang terlibat dan juga manamana institusi yang berminat untuk berkongsi sama.




PENOLONG Rektor Akademik dan Dekan Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad (depan, empat dari kiri) semasa bergambar ramai pada sesi Webinar Antarabangsa berkenaan.

MAKLUMAN

ORANG ramai adalah dialu-alukan untuk mendapatkan Kalendar Tahun 2021 terbitan Jabatan Penerangan mulai Rabu, 23 Disember 2020 pada waktu pejabat di :

- Dewan Setia Negara, Bangunan Asal Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas;
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

Jumlah kalendar adalah TERHAD





TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) semasa merasmikan Food Fest 2020.

BANDAR SERI BEGAWAN, AIZ Management dengan Selasa, 22 Disember. - Bersempena dengan Festival Disember Brunei 2020 (Brunei December Festival - BDF 2020), sokongan Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) menganjurkan Food Fest 2020 bertempat di Open Arena,



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan), KSSUP meninjau dengan lebih dekat petak-petak jualan yang mengikuti acara tersebut.

Food Fest 2020 dirasmikan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Tingkat Bawah, Airport Mall Berakas, di sini.

Food Fest 2020 yang bertemakan 'Candyland' dibukakan untuk kunjungan orang ramai selama dua minggu bermula 21 Disember 2020 hingga 3 Januari 2021 dengan tujuan untuk memberi peluang kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMEs) untuk bergiat aktif dalam industri makanan dan minuman serta industri pelancongan terutamanya pada musim cuti persekolahan ini.

Sehubungan itu, Food Fest 2020 dilancarkan secara rasminya malam tadi oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Pada majlis pelancaran tersebut juga turut diserikan dengan penyampaian dana oleh tetamu kehormat berupa kewangan kepada seramai 15 orang anak yatim agar sedikit sebanyak dapat membantu mereka dalam memulakan sesi persekolahan mereka pada tahun depan.

Pengunjung dialu-alukan untuk menikmati tema 'Candyland' dan membeli dari pelbagai jenis makanan tempatan, cenderamata, perkhidmatan dan makan di kawasan terbuka dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Objektif utama acara ini adalah ia bertindak sebagai penanda aras untuk melakukan 'Pelancongan Domestik' sebagai aktiviti tahunan setiap tahun.

Dengan penyertaan yang aktif dalam kegiatan ini, adalah

diharapkan MSME akan dapat memperoleh keyakinan dan potensi yang cukup di samping membantu mereka berkembang dan memperluaskan lagi jenama perniagaan mereka selain menghasilkan kemahiran profesional sekali gus dapat mengurangkan jumlah kemiskinan dalam negara.

Selain itu, ia juga merupakan jalan bagi pelancong untuk melihat budaya dan kepelbagaian Negara Brunei Darussalam (NBD),

menambah lagi nilai industri pelancongan dan ekonomi di NBD.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk datang dan menyokong MSME tempatan di mana para pengunjung akan dihiburkan dengan pelbagai aktiviti yang menyeronokkan dan menimba pengetahuan melalui pelbagai pameran. Turut diadakan adalah pertandingan layang-layang dan gasing, Kejohanan Beyblade, kereta api dan banyak lagi.



ANAK-anak yatim yang menerima sumbangan hadir pada majlis berkenaan di mana menerusi sumbangan tersebut sedikit sebanyak akan dapat membantu mereka dalam memulakan sesi persekolahan mereka pada tahun depan.

Setiap peluang mempunyai rezeki, hikmah sendiri



PENERIMA Anugerah Pelatih Cemerlang, Dayang Siti Nur Zaimah binti Zaini.



PENERIMA Anugerah Pelatih Cemerlang, Awang Abdul Mushawwir @ Asrul bin Haji Kamis.



IBU kepada Pelatih Orang Kurang Upaya (OKU), Awang Muhammad Izz bin Osman Zaini, Dayang Hajah Ja'aranah binti Haji Talip.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

TANAH JAMBU, Isnin, 21 Disember. - Pemberian Anugerah Pelatih Cemerlang bersempena Majlis Konvokesyen Pusat Pembangunan Belia (PPB) dihasratkan untuk dijadikan sebagai motivasi dan pembakar semangat kepada para lepasan pelatih atau graduan.

Dengan pemberian Anugerah

Pelatih Cemerlang, para pelatih yang masih mengikuti kursus akan lebih bekerja keras dan lebih gigih pada masa hadapan demi mencapai hasrat juga impian menjadi belia yang berjaya dan *marketable* dalam masyarakat yang boleh meneraju, menjadi seorang pemimpin belia, menjadi orang Brunei yang cekal dan patriotik,

menjadi belia Syumul yang akan menyumbang kepada bangsa, raja dan negara.

Pada Majlis Konvokesyen PPB, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang berlangsung di Dewan Binadiri, PPB, di sini, seramai tiga graduan terpilih menerima Anugerah Pelatih Cemerlang bagi Sesi Julai 2018, Sesi Januari dan Sesi Julai 2019.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Dayang Siti Nur Zaimah binti Zaini dari Kursus Skills Proficiency Certificate in

Plumbing, menjelaskan, semasa mengikuti kursus tersebut, beliau dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang yang dipilih, iaitu Kursus Skills Proficiency Certificate in Plumbing.

Penerima Anugerah Pelatih Cemerlang bagi Sesi Januari 2019 itu, seterusnya menjelaskan, sepanjang menjalani kursus di PPB, beliau turut mengenali apa erti silaturahmi dan kepentingan bekerja sebagai satu pasukan bersama rakan-rakan pelatih yang lain.

Apa yang dipelajari sepanjang mengikuti kursus tersebut jelasnya, dapat dipraktikkan di luar, iaitu di alam pekerjaan pada masa akan datang.

Beliau, seterusnya menasihatkan agar para pelatih yang ingin meraih kejayaan sepertinya agar sentiasa mematuhi peraturan, menjaga tingkah laku dan saling hormat menghormati.

Manakala, Awang Abd. Mushawwir @ Asrul bin Haji Kamis dari Kursus Skills Proficiency Certificate in IT For Office Application / Level 1 Certificate in IT Users pula, menyarankan agar para pelatih yang masih lagi menjalani kursus pada masa ini untuk sentiasa bersedia dengan cabaran-cabaran yang akan mereka hadapi.

Beliau yang menerima Anugerah Pelatih Cemerlang bagi Sesi Julai 2019, seterusnya menyarankan, agar para belia yang belum bekerja atau masih

mencari pekerjaan untuk tidak menia-siakan peluang yang diberikan kerana setiap peluang yang diberikan mempunyai rezeki dan hikmahnya sendiri.

Sementara itu, ibu kepada salah seorang Pelatih Orang Kurang Upaya (OKU), Dayang Hajah Ja'aranah binti Haji Talip menjelaskan, anak beliau, iaitu Awang Muhammad Izz bin Osman Zaini mengikuti Level 2 Award in 2D Computer Aided atas dorongan keluarga dan kawan-kawan.

Menurutnya lagi, antara cabaran yang dihadapi oleh Awang Muhammad Izz semasa menjalani kursus ialah tidak dapat mendengar, tetapi dengan menggunakan alat pendengaran, beliau boleh mendengar.

Selain itu, katanya, semasa latihan juga, guru-guru yang melatih Awang Muhammad Izz mengikuti Kursus Bahasa Isyarat bagi memudahkan mereka mengajar dan berkomunikasi bersama beliau.

Dayang Hajah Ja'aranah seterusnya menyarankan, agar para ibu bapa dan penjaga, khususnya yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas, supaya dapat melihat bidang apa yang diminati oleh anak-anak mereka, seterusnya menyaksikan kejayaan mereka dalam apa jua bidang yang mereka minati, di samping sentiasa memberikan sokongan kepada mereka agar mereka memperoleh masa depan yang lebih cemerlang.

Awas 4 produk kosmetik tercemar

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan



BRIGHTEST Skin Essentials - Rejuvenating Facial Toner dan Merry Sun - Rejuvenating Facial Toner (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai agar tidak menggunakan empat produk kosmetik, di mana hasil daripada ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Makmal Saintifik, Kementerian Kesihatan mendapati bahawa produk-produk tersebut dicemari dengan bahan

terlarang yang tidak diisytiharkan. Produk-produk berkenaan, Merry Sun - Rejuvenating Facial Toner; Blooming Health + Beauty - Skin Renew Cream; Brightest Skin Essentials - Rejuvenating Facial Toner; dan Brightest Skin Essentials - Rejuvenating Night Cream, masing-masing dicemari dengan Tretinoin dan Hydroquinone dan pengilangannya

adalah dari Filipina.

Bahan pencemar dalam produk-produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Hydroquinone dan Tretinoin adalah bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit kulit. Ia dilarang sebagai bahan di dalam produk kosmetik penjagaan kulit di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007.

Penggunaan Tretinoin tanpa nasihat doktor boleh menyebabkan kulit yang disapu menjadi kemerahan, mengelupas dan parut pada kulit.

Sementara penggunaan Hydroquinone tanpa pengawasan boleh menyebabkan perubahan warna kulit, hipersensitiviti, bahagian kulit yang disapu juga boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

Orang ramai yang menggunakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta merta.

Jika awda mengalami kesan sampingan dan berasa tidak sihat selepas memakan atau



BLOOMING Health + Beauty - Skin Renew Cream.

menggunakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Penjualan produk tersebut (termasuk penjualan secara dalam talian (*online*), seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah menjadi satu kesalahan, di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007, dan jika didapati bersalah, boleh didenda tidak melebihi BND5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan menerusi talian +673 2393298 sambungan 208 atau menghantar e-mel ke pharmacy.enforcement@moh.gov.bn atau berjumpa terus Pegawai

Komplians dan Perlesenan, di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau menghubungi Talian Darussalam 123.



BRIGHTEST Skin Essentials - Rejuvenating Night Cream.

No.	Nama Produk	Pengilang	Dicemari dengan
1.	MERRY SUN - REJUVENATING FACIAL TONER	PHILIPPINES	TRETINOIN
2.	BLOOMING HEALTH + BEAUTY - SKIN RENEW CREAM	PHILIPPINES	HYDROQUINONE DAN TRETINOIN
3.	BRIGHTEST SKIN ESSENTIALS - REJUVENATING FACIAL TONER	PHILIPPINES	TRETINOIN
4.	BRIGHTEST SKIN ESSENTIALS - REJUVENATING NIGHT CREAM	PHILIPPINES	HYDROQUINONE DAN TRETINOIN

Buku-buku teks, kerja tersedia



PUSTAKA Remaja menyediakan bekalan buku sekolah yang diperlukan.

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Isnin, 21 Disember. - Dalam masa beberapa minggu sahaja lagi, Sesi Persekolahan bagi Tahun 2021 akan bermula.



Kedai-kedai buku merupakan antara tempat yang menjadi tumpuan juga kunjungan para ibu bapa untuk membeli kelengkapan peralatan sekolah anak-anak mereka.

Tinjauan Pelita Brunei di sekitar Kampung Serusop, yang menempatkan beberapa buah kedai buku mendapati bekalan alat tulis buku sekolah, termasuk buku-buku teks dan kerja telah pun tersedia di tempat-tempat yang dikhaskan bagi memudahkan para ibu bapa mencari barangan berkenaan.

Pengurus Jualan Pustaka Remaja, Mohammad Iqbal berkata, terdapat para ibu bapa yang membeli barangan persekolahan lebih awal, iaitu semasa menerima gaji pada November dan pertengahan Disember, namun jumlahnya tidak begitu ramai.

"Ada juga ibu bapa yang menepah buku-buku sekolah yang diperlukan untuk anak-anak mereka dengan memberikan senarai barangan berkenaan," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurutnya, kedai buku tersebut akan menepah lagi buku-buku teks dalam masa dua hingga tiga hari ini untuk persediaan bagi para ibu bapa yang akan membelinya sewaktu menerima bonus bersama gaji pada penghujung bulan Disember nanti.

"Kami menepah bekalan buku sebanyak dua kali dan akan menambahnya lagi untuk menampung keperluan pelanggan memandangkan buku kerja sering mendapat permintaan yang tinggi," ujarnya.

PENGURUS Jualan Pustaka Remaja, Mohammad Iqbal semasa ditemu bual.

Supported by:
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

HARI AIDS SEDUNIA 2020

UJIAN SARINGAN HIV PERCUMA
3 DISEMBER 2020 - 31 DISEMBER 2020

"JUST A FINGER PRICK"

- UJIAN PANTAS
- MAKLUMAT SULIT
- KEPUTUSAN DALAM MASA 30 MINIT

UNTUK MENDAPATKAN UJIAN, SILA HUBUNGI:

- VITALIV HEALTH & WELLNESS CLINIC 2335577
- CY LIM CLINIC 2449486
- WHOLSTICA CLINIC 8238180
- AMMAN MEDICAL CLINIC 8231818
- RIVERVIEW CLINIC 2239389
- PANAGA HEALTH CENTRE 3372709
- DR PREMA CLINIC 2421727

PENILAIAN SEBELUM UJIAN DIPERLUKAN!

#WAD2020 #BAIKTAHBECEKI

Brunei Darussalam AIDS Council

Hukum menjawab azan ketika sedang berwudhu'

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MENJAWAB azan pada dasarnya adalah disunatkan ke atas setiap orang Islam. Tuntutan menjawab azan itu adalah berdasarkan hadits daripada Abu Sa'id al-Khudhriy Radhiallahu 'anhu, bahawasanya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : "Jika kamu mendengar azan, maka katakanlah sepertimana yang dikatakan (oleh) orang yang melaungkan azan".

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim) Penyariatannya menjawab azan ini hanya dikhususkan kepada orang yang mendengarnya sahaja tidak disunatkan ada ia dalam keadaan suci mahupun dalam keadaan berhad, sama ada hadas kecil mahupun hadas besar. Ini kerana menjawab azan itu adalah salah satu daripada bentuk zikir.

Oleh kerana itu, orang yang tidak mendengarnya sama ada kerana jarak yang jauh, pekak dan sebagainya tidaklah disunatkan untuk menjawabnya walaupun pada ketika itu dia melihat seseorang sedang melaungkan azan dan walaupun dia tahu bahawa ketika itu azan sedang dilayangkan.

Walaupun bagaimanapun, hukum sunat menjawab azan bagi orang yang mendengarnya ini tidaklah bersifat mutlak. Ini bermakna terdapat keadaan tertentu menjawab azan tidak disunatkan pada ketika itu seperti orang yang sedang bersetubuh dan orang yang sedang qadha hajat (buang air kecil atau besar). Bagaimanakah pula hukum menjawab azan ketika sedang berwudhu'? Adakah menjawab azan ketika sedang berwudhu' itu disyariatkan?

Hukum Berjawab Ketika Sedang Berwudhu'

Sunat hukumnya bagi seseorang itu

untuk meninggalkan percakapan ketika sedang berwudhu' kerana bercakap ketika berwudhu' itu boleh melalaikannya daripada melakukan ibadah wudhu'.

Akan tetapi, terdapat beberapa pengecualian yang membolehkan seseorang itu untuk bercakap ketika sedang berwudhu' sepertimana yang dijelaskan oleh as-Sayyid al-Bakri ad-Dimyathi Rahimahullah :

Ertinya : "[Dan (antara sunat-sunat wudhu' itu ialah) meninggalkan percakapan] ketika (dia sedang melakukan) wudhu'nya tanpa sebarang keperluan kecuali (bercakap untuk) berzikir, dan tidak dimakruhkan (bagi orang lain untuk) memberi salam kepadanya, dan tidak (makruh juga ucapan salam) daripadanya (orang yang berwudhu'), dan tidak (juga makruh bagi orang yang berwudhu' itu) menjawabnya (salam)".

Berdasarkan penerangan as-Sayyid al-Bakri ad-Dimyathi Rahimahullah itu, dapatlah difahami bahawa bercakap ketika sedang berwudhu' adalah diharuskan dalam keadaan-keadaan berikut :

1. Terdapat keperluan atau maslahat untuk bercakap ketika sedang berwudhu' seperti menyuruh kepada perkara-perkara kebaikan, melarang sebarang kemungkaran atau mengajar orang yang jahil tatacara berwudhu'. Maka dalam keadaan ini disunatkan baginya untuk bercakap.

Bahkan bercakap ketika sedang berwudhu' itu boleh menjadi wajib jika terdapat sebarang maslahat yang mendesak seperti memberi amaran kepada orang buta yang berdiri di tepi perigi, yang jika dibiarkan orang buta tersebut, ditakuti dia akan terjatuh ke dalam perigi.

Dalam perkara ini, Imam Ibnu Hajar al-Haitami Rahimahullah ketika mensyarahkan kitab Masa'il at-Ta'lim menerangkan :

Ertinya : "[Dan hendaklah dia tidak bercakap pada keseluruhan (dia melakukan) wudhu'nya kecuali untuk kemaslahatan] seperti suruhan (kepada)

perkara ma'ruf (kebaikan) dan larangan daripada (melakukan) kemungkaran, dan mengajar orang yang jahil (contohnya dalam tatacara berwudhu'), dan (hukum bercakap ketika sedang berwudhu' itu) boleh menjadi wajib seperti (memberi amaran apabila dia) melihat ke arah seorang yang buta yang berdiri di (tepi) perigi".

2. Berzikir ketika berwudhu'. As-Sayyid al-Bakri ad-Dimyathi Rahimahullah menjelaskan :

Ertinya : "Dan disunatkan meninggalkan percakapan selain zikir. Adapun (lafaz) zikir, maka tidak disunatkan meninggalkan perlafazan dengannya (zikir)".


3. Memberi dan menjawab salam. Menurut as-Sayyid al-Bakri ad-Dimyathi Rahimahullah, tidak dimakruhkan bagi orang yang sedang berwudhu' untuk memberi salam kepada orang lain, dan tidak juga dimakruhkan baginya untuk menjawab salam orang lain, bahkan wajib baginya untuk menjawab salam orang lain itu.

Menjawab Azan Ketika Sedang Berwudhu'

Sepertimana yang telah diterangkan sebelum ini, salah satu bentuk percakapan yang dibolehkan ketika sedang berwudhu' itu ialah zikir. Manakala menjawab azan itu pula adalah salah satu bentuk zikir.

Oleh kerana itu, hukum menjawab azan dan juga iqamah bagi orang yang sedang berwudhu' adalah diharuskan, bahkan sunat hukumnya. Hal ini adalah berdasarkan kata-kata Imam Ibnu Hajar al-Haitami Rahimahullah apabila beliau ditanya mengenai perkara menjawab azan ketika seseorang itu sedang berwudhu'. Beliau menjawab :

Ertinya : "Dan adapun (hukum) menjawab azan (bagi orang yang sedang berwudhu'), maka sunat (hukumnya) berdasarkan kesepakatan ('ulama), dan kerana itu mereka ('ulama) mengatakan mengenai sunatnya (dalam perkara menjawab azan) bagi orang yang (sedang)



Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

bertawaf meskipun sesungguhnya baginya (membaca) zikir-zikir yang dituntut (ketika bertawaf) berdasarkan kesepakatan ('ulama), maka (dalam perkara ini, hukum sunat menjawab azan) bagi orang yang sedang berwudhu' itu adalah lebih utama".

Dalam keadaan ini, elok juga diingatkan bagi seseorang yang sedang berwudhu' di dalam tandas, tidak disunatkan untuk menjawab azan, kerana kalimah-kalimah jawapan kepada azan itu berupa zikir seperti kalimah takbir dan kalimah *hawqalah* (لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ), dan hukum berzikir di tempat yang bernajis itu adalah makruh. Adapun jika dia berwudhu' di tempat khas yang disediakan untuk berwudhu' (selain dalam tandas), maka sunat baginya untuk menjawab azan ketika sedang berwudhu' itu.

Demikian penjelasan mengenai hukum menjawab azan ketika sedang berwudhu'. Sebagai kesimpulan, menjawab azan ketika sedang berwudhu' adalah disunatkan kerana ia merupakan zikir. Namun jika orang yang berwudhu' itu berada di dalam tandas, maka dia tidaklah lagi disunatkan untuk menjawab azan itu, bahkan makruh hukumnya menjawab azan tersebut apabila berada di dalam tandas.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAHAN ALLAH
كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

Kongsi ilmu

SEBAGAI seorang Islam hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan yang berguna terutamanya ilmu ugama. Ilmu-ilmu yang bermanfaat bukan sahaja diamalkan malah juga disampaikan atau dikongsi bersama dengan cara yang betul dan baik. Ilmu pengetahuan itu sangat luas dan boleh diperolehi dengan usaha, kemahuan dan kegigihan seseorang.

Dengan keperluan ilmu yang begitu luas, Islam menyarankan beberapa perkara yang penting yang dipertanggungjawabkan ke atas orang-orang yang berilmu. Dengan kata lain ialah kewajipan yang mesti ditunaikan, tertakluk kepada banyak atau sedikitnya ilmu itu antaranya :

Ilmu pengetahuan itu bukan untuk menunjuk-nunjuk atau riak ke atas orang yang kurang berilmu. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Abu Hurairah radiallahuanhu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Barang siapa yang mempelajari suatu ilmu untuk bermegah-megah dengan para ahli ilmu atau berbantah-bantah dengan orang-orang bodoh dan hendak memalingkan muka orang lain (supaya ia dipandang tinggi dan memberi puji-pujian terhadapnya) maka Allah akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam".

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam

ath-Thabrani, daripada Ibnu 'Abbas radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Bahawasanya ada satu golongan dari umatku, mereka ini memperdalam ilmu pengetahuan agama, mereka mengaji Al-Quran lalu mereka berkata (sesama sendiri): Mari kita pergi kepada pihak pemerintah kita untuk mendapat kesenangan dunia (yang mereka punyai) dan kita perdayakan mereka dengan kepandaian ilmu agama kita. Ini tidak boleh jadi. Kerana sebagaimana tidak akan dapat dihasilkan dari satu pohon yang berdur (tak ada buah) melainkan darinya, maka demikianlah tiada akan didapati apa-apa dari hampirnya mereka (kepada para pemerintah) itu melainkan hanyalah dosa-dosa sahaja".

Dengan sifat sebegini rupa tidaklah ada 'barakat' mahupun kepentingan ilmu untuk mencari kebenaran dan manfaat, malah hanya menggunakan ilmu itu untuk kepentingan dan kesenangan diri. Ilmu demikian tidak akan membawa kebaikan dan perkembangan akal fikiran.

Ilmu itu datangnya dari Allah Subhanahu Wata'ala melalui rasul-rasulnya yang menyampaikan kepada umat manusia yang kemudian akan disampaikan pula kepada generasi yang lain sehinggalah sekarang. Tanpa ilmu yang bersumberkan dari Allah Subhanahu Wata'ala, hidup manusia setentunya dalam kejahilan dan kemunduran. Tidak ada masyarakat yang

hidup sempurna, maju dan berjaya tanpa ada ilmu pengetahuan. Sesungguhnya Islam telah mewajibkan umatnya untuk menuntut ilmu. Menuntut ilmu itu satu ibadah yang dijanjikan ganjaran yang sangat besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat darjat yang tinggi di sisi-Nya serta mempermudah jalannya menuju ke syurga. Sepertimana diriwayatkan Imam Muslim daripada Abu Hurairah radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan maka Allah akan mempermudah baginya suatu jalan untuk ke syurga".

Terdapat golongan manusia yang terpilih dan istimewa yang mempunyai kelebihan daripada manusia biasa yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala mendapat kemuliaan itu, sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dari Mu'awiyah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Barang siapa yang dikehendaki oleh Allah akan mendapat kebajikan maka Allah menjadikan dia sangat faham dalam agama Islam. Adapun saya hanya menyampaikan hukum Allah (kepada manusia) dengan tiada membeza-bezakan (antara mereka) dan Allah yang memberi (kepada setiap mereka kefahaman iaitu dalam apa-apa perkara yang dikehendaki-Nya). Dan umat ini (umat Islam) akan sentiasa menjalankan perintah Allah dan orang-orang yang menyalahi

mereka tiada akan dapat mendatangkan mudarat ke atas mereka selama-lamanya hinggalah datang hari kiamat".

Mereka inilah yang akan menjadi pemimpin, penyampai dan juga pendidik ilmu dan mereka mengajarkan kepada manusia mengikut sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, daripada Katsir bin Qaisy, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Ulama-ulama itu pewaris para Nabi".

Baginda juga bersabda dalam sebuah hadis yang dipetik Musnad asy-Syihab al-Qudhai'e dari 'Anas bin Malik yang bermaksud :

"Ulama-ulama itu pengamanah Allah terhadap makhluk-makhluk-Nya".

Sebagai seorang pendidik atau penyampai ilmu tidak hanya mengajar atau mendidik manusia untuk mempelajari ilmu, malah hendaklah juga mengamalkan ilmu yang diajari mahupun dipelajari. Terdapat satu peringatan terhadap orang yang berilmu yang tidak mengamalkan ilmunya sepertimana disebutkan dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari dari Usamah bin Zaid Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud :

"Akan didatangkan seseorang, kemudian dia dilempar ke dalam neraka, lalu di sana dia berputar-putar sebagaimana keldai menarik alat penggilingan, maka penghuni neraka mengelilingi orang tersebut dan bertanya : "Wahai Fulan, bukankah kamu dahulu pernah memerintahkan kebaikan dan melarang kemungkaran?" Ia menjawab : "Ya, saya dahulu memerintahkan kebaikan, namun aku tidak mengerjakannya dan aku melarang kemungkaran, namun aku sendiri melakukannya".

PUISI

BERKAT

Apa jua perkara baik semuanya, bersumber dari berkat. Berkat adalah nikmat berkat adalah rahmat, kerana itu tagihlah ia carilah ia supaya kita sekalian... beroleh laba.

Berkat itu adalah CAHAYA yang menerangi langit dan bumi, dari cahaya ini menjadikan segala-gala subur segar dan mekar tanpa lagi dikhuatiri akan layunya.

Kerana itu kita pun mahu supaya - semuanya biarlah berkat: pekerjaan berkat pengurusan berkat pentadbiran berkat pimpinan berkat budi bicara berkat niat berkat sosio-ekonomi berkat perundangan berkat.

Ya, biar! Di mana pun dan ke mana pun kita berada - tetap, memerlukan berkat, tidak boleh kosong berkat tidak boleh miskin berkat kerana, berkat itulah 'nilai' untuk mengangkat martabat dan darjat.

Lalu mustahaklah untuk kita mengenali punca berkat itu. Ya, apa puncanya? Apa sumbernya?

Menurut wahyu, punca atau sumber berkat itu ialah IMAN dan Takwa, ya, tiada lain melainkan ini saja.

Huraian wahyu ini: kalau penduduk sebuah negeri beriman dan bertakwa, maka nescaya Allah akan turunkan dari langit dan keluarkan dari bumi BERKAT. BERKAT. BERKAT berupa NIKMAT yang tiada mengenal kering atau usang.

Tetapi awas! Iman dan takwa bukanlah ia di bibir cuma, jika hanya di bibir, maka berkat itu akan ditarik nikmat akan ditarik rahmat akan ditarik, kerana 'ta'at' bukan hanya di bibir tetapi bersepadu: di lidah dan di hati.

Oleh itu, mari! Kita ambil jalan selamat dengan kekal beriman dengan kekal bertakwa semoga, bersimbahlah kita dengan berkat, dan semoga juga indah dan bersuluhlah akhirat kita kerana berkat.

Ya Allah, berkatilah kami kami hanya tamak kepada berkat, kami tidak tamak kepada yang lain-lain, ya Allah, ya Rahman, berkatilah mata pencarian kami berkatilah makan minum kami berkatilah ilmu kami berkatilah ibadat kami.

Ini saja do'a kami.

ADI RUMI,
Rumah Hidayah,
2 Jamadil Awal, 1442
17 Disember, 2020.

69 pain darah berjaya dikumpulkan



Siaran Akhbar dan Foto : Imagine Sdn. Bhd.

SALAH seorang penderma darah yang mengikuti Kempen Derma Darah kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan McDonald's Brunei berkenaan.

mendedikasikan portal sumbangan SMS A-Dollar-A-Cheer untuk penyediaan kelengkapan sekolah bagi membantu keluarga yang menghadapi masalah kewangan sebagai persediaan untuk tahun persekolahan yang akan datang. Projek ini akan berjalan sehingga 26 Disember 2020 di mana semua hasil akan dihaskan untuk Program Back-to-School Imagine.

Pelanggan pasca bayar dan prabayar Imagine boleh menderma dengan menaip ADAC [ruang] 1 / 5 / 10 / 15 / 20 / 50 / 100 untuk menderma sama ada BND1 / 5 / 10 / 15 / 20 / 50 / 100 dan hantarkan ke 39998. Untuk maklumat lebih lanjut, ikuti mana-mana platform media sosial Imagine atau layari laman sesawang syarikat di <http://www.imagine.com.bn>.

JERUDONG, Selasa, 22 Disember. - Bersempena dengan Kempen Hari Bertindak (Day of Action - D.o.A) pada tahun ini yang meraikan sumbangan sukarelawan di seluruh negara, Imagine hari ini mengadakan Kempen Derma Darah dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan McDonald's Brunei.

Selaras dengan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat berkenaan, kempen yang diadakan di McDonald's, Jerudong itu menyaksikan kakitangan Imagine dan orang ramai yang berjaya mengumpulkan 69 pain darah sekali gus bertujuan untuk menyokong dan menambahkan lagi simpanan darah di negara ini.

Inisiatif derma darah, yang pertama untuk Imagine dan sebagai sebahagian daripada rangkaian aktiviti sukarela sepanjang bulan Disember, juga bertujuan untuk menanamkan semangat khususnya dalam kalangan kakitangan sambil memberi peluang kepada syarikat tersebut untuk berinteraksi dengan orang ramai.

Semasa kempen tersebut, para penderma juga menerima tajaan sama ada berupa baucar makanan dari McDonald's Brunei iaitu

Sundae Cones dan Cappuccino atau barangan daripada Imagine. Selain itu, syarikat tersebut juga



KEMPEN yang diadakan di McDonald's, Jerudong itu menyaksikan kakitangan Imagine dan orang ramai yang bertujuan untuk menyokong dan menambahkan lagi simpanan darah di negara ini.

BFB ketengahkan 4 filem box office India

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Filem-filem yang ditayangkan di Brunei Film Blitz (BFB) bukanlah sekadar filem *box office* biasa. Sebaliknya, festival filem tersebut bertujuan untuk menampilkan filem-filem yang menentang semangat dan kebudayaan sesebuah negara kepada para penonton di negara ini.

Tahun ini, BFB menayangkan

empat filem India yang menarik perhatian penonton Bollywood, iaitu 'Bhaag Milkha Bhaag', 'Hawaa Hawaai', 'Mary Kom' dan 'Wazir'.

Setiap filem menentang semangat pelbagai aspek dan keunikan identiti budaya India.

Hadir menonton tayangan filem tersebut bersama para penonton ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei

Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar.

Menurut Tuan Yang Terutama ketika menyampaikan ucapan alu-aluan, budaya filem India bukanlah hal baru bagi dunia, semuanya mewakili India sebagai sebuah negara.

Filem-filem seperti 'Bhaag Milkha Bhaag' dan 'Mary Kom' mencerminkan pencapaian India di pentas sukan antarabangsa

sementara 'Hawaa Hawaai' menunjukkan semangat untuk hidup melalui perjuangan anak muda yang dibatasi oleh keadaan sosial mereka.

Manakala filem 'Wazir' menentang pelakon legenda India, Amitabh Bachchan, di mana filem tersebut mengambil masa hampir 20 tahun untuk disiapkan.

BFB akan ditayangkan sehingga 23 Disember 2020. Jadual

Siaran Akhbar :
Origin Artistic

tayangan boleh didapati di www.bruneifilmblitz.org.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai BFB, hubungi Munji Athirah menerusi talian +673 8118777 atau melalui e-mel munji@originartistic.com.

Filem Iran tampilkan perjuangan wanita



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam hadir bagi menyaksikan tayangan filem 'Villa Dwellers' pada Brunei Film Blitz (BFB) berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Filem Iran kini mulai mendapat pengiktirafan antarabangsa dan dinikmati penonton global.

Setelah melalui pelbagai cubaan, hari ini, filem-filem komersial Iran mula menguasai industri perfileman *box office*.

Iran ketika ini sudah menghasilkan lebih daripada 130 filem setiap tahun. Berikutan kebangkitan Iranian New Wave, kini terdapat sejumlah besar

Siaran Akhbar dan Foto : Origin Artistic

lulusan dalam bidang perfileman di Iran dan setiap tahun lebih dari 20 Pengarah baru mengeluarkan filem sulung mereka, yang kebanyakannya adalah wanita.

Kali ini, Brunei Film Blitz (BFB) menayangkan filem 'Villa Dwellers' yang diarahkan oleh Pengarah wanita, Monir Gheidi.

Drama keluarga yang mengisahkan tentang kehidupan kekeluargaan sepanjang peperangan Iran-Iraq, di mana keluarga yang tinggal berhampiran barisan hadapan berjuang untuk mengunjungi insan kesayangan mereka. Dihasilkan seawal tahun 1986, filem tersebut mengisahkan kesabaran wanita Iran dalam menguruskan situasi yang mencabar.

Tayangan ini juga sebagai penghormatan kepada pasukan barisan hadapan COVID-19.

Semasa tayangan 'Villa Dwellers', Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Homeira Rigi Zirouki mengingatkan pesanan daripada Naib Presiden

Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Masoumeh Ebtekar tentang peranan penting wanita Iran dalam pembangunan Iran dalam berbagai bidang.

Pada sesi tayangan tersebut, para penonton turut disajikan dengan pelbagai hidangan daripada Iran.

BFB mendorong perkongsian budaya melalui seni untuk mendedahkan pembuat filem tempatan dengan cerita, perspektif dan pandangan yang berbeza untuk mendapatkan inspirasi bagi filem mereka.

96 Hour Blitz turut melabuhkan tirainya hari ini. Pemenang Kategori Kompetitif BFB akan diumumkan pada 26 Disember ini. Ahli panel juri terdiri daripada Dekan Mahakarya Institute of the Arts Asia, Dr. Alex Fischer dan dua orang pembuat filem terkenal dunia, Penerbit Filem dari Indonesia, Sheila Timothy dan Sinematografer dari Filipina, Rain Yanson II.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai BFB, hubungi Munji Athirah menerusi talian +673 8118777 atau melalui e-mel

13 syarikat, seorang individu dikompaun

MUARA, Isnin, 21 Disember. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) mengeluarkan kompaun ke atas 13 buah syarikat dan seorang individu kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggagal 30) Bab 12 (1) a & b, iaitu tanpa kebenaran yang sah meninggalkan dan menyimpan sebarang benda yang menghalang laluan orang awam, di kawasan perniagaan, di Pekan Muara dan kawasan Kampung Sungai Buloh.

Syarikat Nur Mallisa Indah dan Absara Enterprise dikenakan kompaun sebanyak BND500 atas kesalahan yang sama dan didapati melakukan pembuangan sampah yang tidak teratur juga pembakaran terbuka, manakala cawangan Syarikat Absara Enterprise, Israfil Sdn. Bhd., Selamat Department Store, Haji Juna bin Kahar Trading, Ariz Mini Mart, Mubarak Book Emporium, Azmee Enterprise, Mahraj Sdn. Bhd., Syarikat Suntai binti Tuba, Hikmat Sdn. Bhd. dan Nawaz Enterprise, masing-masing dikenakan kompaun sebanyak BND200.

Sementara itu, Abul Kalam Ali Hasan juga dikenakan denda BND100 atas kesalahan membuang sampah di kawasan longkang.

Syarikat dan individu berkenaan diberikan tempoh tujuh hari waktu bekerja untuk membayar kompaun berkenaan.

Kegagalan menjelaskan kompaun boleh diambil tindakan ke mahkamah, di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Penggal 30 Bab 12 (1), iaitu jika sabit kesalahan denda tidak melebihi BND1,000 bagi kesalahan pertama juga denda tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan seterusnya dan penjara tidak melebihi tiga bulan.

Sebarang aduan, orang ramai



PENYIMPANAN barang-barang jualan di kaki lima (atas). Manakala gambar bawah, antara kesalahan yang didapati, pembuangan sampah sarap dan membuat pembakaran terbuka.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Daerah Brunei dan Muara

boleh menghubungi menerusi ke Bahagian Perlesenan dan talian +673 2381581 sambungan Penguatkuasaan, JDBM.



Barang tegahan dirampas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Isnin, 21 Disember. - Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya merampas sejumlah barang tegahan yang ditemui di kawasan Sungai Bantaian, Daerah Temburong.

Dalam kejadian tersebut, semasa keanggotaan Balai Polis Bangar membuat pemantauan pencegahan jenayah menemukan sebuah kereta yang mencurigakan diletakkan di kawasan penurunan perahu Kampung Menengah.

Apabila menyedari akan kehadiran peronda polis, kereta yang mencurigakan segera melarikan diri dengan berpusing dan mengubah haluan perjalanan menuju ke kawasan Kampung Sungai Bantaian.

Pemandu tersebut sempat keluar dari keretanya dan melarikan diri di kawasan hutan berdekatan.

Hasil pemeriksaan pihak polis ke atas kereta yang ditinggalkan menemukan barang-barang tegahan, iaitu sejumlah 120 botol dan 240 tin minuman keras juga 39 karton rokok pelbagai jenis.

Kereta suspek berserta barang rampasan dibawa ke Balai Polis Bangar dan diserahkan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) bagi tindakan dan siasatan lanjut.

PPDB ingin menyeru orang ramai agar menyalurkan dan mengongsikan sebarang maklumat mengenai kegiatan jenayah melalui Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.



SEJUMLAH 120 botol dan 240 tin minuman keras juga 39 karton rokok pelbagai jenis yang ditemui dan dirampas oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Mangsa sesat berjaya ditemukan



ANGGOTA bomba dan penduduk kampung semasa menjalankan operasi mencari orang sesat di Hutan Wasai Muncung, Batang Mitus, Tutong (kiri dan kanan).

TUTONG, Isnin, 21 Disember. - Enam anggota bomba yang diketuai oleh ASO Md. Khairul Adidi bin Abdullah Ulang dari Balai Bomba Lamunin, Cawangan Operasi 'E' dan lima anggota bomba diketuai oleh ABK 658 Hasanuddin dari Skwad Khas Balai

Bomba Rimba, Cawangan Operasi 'C' dikerahkan untuk mencari orang sesat pada jam 4.19 petang di Hutan Wasai Muncung, Batang Mitus, Tutong pada 19 Disember lalu.

Anggota bomba turut dibantu oleh penduduk kampung untuk



Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bomba dan Penyelamat

mencari mangsa yang tersesat di hutan.

Lima orang mangsa ditemukan pada jam 6.33 petang di kawasan Bukit Luba, diikuti dengan seorang mangsa yang ditemukan pada jam 8.29 malam oleh Unit Skwad Khas.

Manakala lima orang lagi mangsa dalam keadaan selamat dan tidak mendapat sebarang kecederaan, dan seorang lagi mangsa mendapat kecederaan dan dibawa oleh pihak Ambulans untuk tindakan selanjutnya.

Sehubungan itu, Jabatan

Bomba dan Penyelamat (JBP) menyarankan kepada orang ramai, khususnya para penggemar mendaki bukit (*hiking*) agar mengetahui atau mengenali kawasan yang hendak dituju bagi mengelakkan sesat.

Pastikan mengetahui keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan tidak meneruskan aktiviti jika keadaan sudah gelap.

Orang ramai juga diingatkan agar tidak mendaki bukit secara berseorangan, ditakuti perkara

yang tidak diingini berlaku dan memaklumkan kepada keluarga atau kawan-kawan akan tempat yang ingin dituju.

Untuk keselamatan semasa *hiking*, disarankan agar membawa wisel, lampu suluh, telefon bimbit dan juga air bagi keperluan semasa berlaku kecemasan.

Jika berlaku sebarang insiden, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

Cedera ringan dalam kemalangan sendiri

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

LIMAU MANIS, Selasa, 22 Disember. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerima panggilan kecemasan berikutan kemalangan kereta yang berlaku pada jam 4.20 pagi baru-baru ini berdekatan dengan IBTE, Kampung Limau Manis.

Sehubungan itu, 10 anggota bomba dari Balai Bomba Pengkalan Batu dikerahkan ke tempat kejadian dengan menggunakan dua buah jentera dan diketuai oleh DSO Haji Abnoh.

Sewaktu sampai ke lokasi kejadian, JBP mendapati sebuah kereta jenis SUV berwarna kelabu mendapat kemalangan sendiri iaitu melanggar pengadang jalan lalu terbabas ke tepi jalan dan pemandu pula masih berada di dalam kereta tersebut.

Anggota bomba bertindak segera dengan membuka kepala bateri dan seterusnya mengeluarkan mangsa kemalangan dengan menggunakan perkakas S.O.S. Pemandu kereta tersebut merupakan seorang lelaki dan mendapat kecederaan ringan.

Oleh itu, pihak JBP menyarankan kepada orang ramai supaya sentiasa mematuhi undang-undang di jalan raya dan berhati-hati semasa memandu serta penggunaan telefon bimbit semasa memandu adalah dilarang.

Seterusnya, pastikan memandu dalam keadaan sihat atau tidak mengantuk dan mengambil serta meminum mana-mana minuman yang memabukkan yang boleh menyebabkan kemalangan jalan raya.

Selain itu, JBP juga menasihatkan orang ramai untuk membuat pemeriksaan kereta di bengkel-bengkel berkemahiran dan bertauliah bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Dinasihatkan kepada orang ramai untuk lebih berhati-hati semasa memandu terutama sekali semasa atau selepas hujan kerana dikhuatiri jalan raya akan menjadi licin. Oleh itu, jika berlaku sebarang insiden kecemasan hubungi Talian Kecemasan 995 dan memberi maklumat yang tepat.



KEJADIAN kemalangan sendiri, iaitu melanggar pengadang jalan lalu terbabas ke tepi jalan berlaku pada jam 4.20 pagi berdekatan dengan IBTE, Kampung Limau Manis.

Sediakan kefahaman komprehensif tentang halal haram

Siaran Akhbar dan Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) akan menganjurkan Kursus Eksekutif Halal bagi orang awam, pegawai-pegawai kerajaan dan bukan kerajaan, pemilik-pemilik perniagaan, pengeluar-pengeluar makanan, pembekal-pembekal produk, para akademik, pelajar dari institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan juga mereka yang berminat dengan kursus tersebut.

Kursus Eksekutif Halal berkenaan bertujuan untuk menyediakan kefahaman yang komprehensif tentang halal haram juga membantu para pengusaha makanan halal dan orang ramai mempelajari, memahami juga mempraktikkan lebih mendalam lagi kepentingan falsafah 'Halalan Thayyiban' sebagai jalan kehidupan dan memahami undang-undang yang sah bersangkutan dengan industri halal, di negara ini.

Kursus sehari tersebut akan diadakan pada Rabu, 20 Januari 2021, bermula 8.00 pagi hingga 4.30 petang, di Kampus UNISSA. Yuran penyertaan berharga BND150 bagi setiap peserta, termasuk buku.

Pendaftaran boleh dibuat melalui <https://bit.ly/HEC2021>.

Tarikh tutup penghantaran penyertaan, 7 Januari 2021, jam 4.00 petang.

Bagi keterangan lanjut, bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian +673 246 2000 sambungan 202 / 204 atau WhatsApp +673 8254374 atau e-mel ke C4L@unissa.edu.bn.



Wednesday
06 Jamadilakhir 1442H / 20th January 2021M
8.00am - 4.30pm
L1.3 Training Room, UNISSA

HALAL EXECUTIVE COURSE

FACILITATOR :
Assoc. Prof. Dr Nurdeng Deuraseh
Director of Halalan Thayyiban Research Centre

REGISTRATION :
21st December 2020 - 7th January 2021
Fees : \$150.00 (Including Book)
LIMITED FOR 40 PARTICIPANTS
"First come-first serve basis"

To Register Please Scan

For Registration & Information, please contact:
Centre for Leadership and Lifelong Learning
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Kampus 347, Jalan Fajar Baharu
Gadong BE 1310
Negara Brunei Darussalam

Halalan Thayyiban
Research Centre
In collaboration with
Centre for Leadership
and Lifelong Learning

MAKLUMAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



 PSC.BN

+673 7371961  PSC.BN  PSC.BN  query@spa.gov.bn



JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI



TAWARAN BAGI RUANG
KEDAI KELAS DUA
MUKIM LABI DAERAH BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
JDB / BMP / 5.1 / A / 04 / 2020

Tarikh Tutup :
25 Jamadilawal 1442H
/ 9 Januari 2021M
[tidak lewat jam 2.00 Petang]



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSKB 021 / 2020

NAMA PROJEK :
PEMBAIKAN SEGERA BAGI
KAWASAN
JALAN ROSAK KRITIKAL
DARI KM16 KE KM40,
JALAN MARANGKING-BUAU,
DAERAH BELAIT

TARIKH TUTUP :
19 JANUARI 2021 (SELASA)



TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG



JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI

JDB / BKPD / SH / 39 / 2020

TAJUK TAWARAN:
QUOTATION TO
SUPPLY
BRUSH CUTTER MACHINE
AT
JABATAN DAERAH BELAIT

KATEGORI : (P01)
JDB / BKPD / SH / 40 / 2020

TAJUK TAWARAN:
PROJEK MENIMBUK
TANAH
UNTUK KEMUDAHAN
LETAK KERETA
BAGI
ECO PELANCONGAN
DI RUMAH PANJANG TERAJA
MUKIM LABI



KATEGORI : (KA01)

TARIKH TUTUP:
29 DISEMBER 2020 (Selasa)



KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA

1. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 264 / 2020

TAJUK :
TO DESIGN AND CONSTRUCT
FOR NEW DISABLE TOILET, NEW
DISABLE RAMP AND OTHER
WORKS AT MASJID
HAJI ABD. AZIM KAMPONG
LUAGAN DUDOK,
TUTONG DISTRICT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 265 / 2020

TAJUK :
TO DESIGN AND CONSTRUCT
FOR NEW DISABLE TOILET,
NEW DISABLE RAMP AND OTHER
WORKS AT MASJID DULI
PENGIRAN MUDA MAHKOTA,
PENGIRAN MUDA HAJI
AL-MUHTADEE BILLAH,

KAMPONG TAMOI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
RABU, 30 DISEMBER 2020,
2.00 PETANG



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BIL. SEBUT HARGA :
KHEU / JPI / JKS / 24 / 2020 - 2021

KETERANGAN :
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN
MENGUJI BARANG-BARANG
MAKMAL SAINS BAGI
SEKOLAH ARAB RIMBA,
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA
TAHUN 1442H - 1443H /
2020M - 2021M

TARIKH TUTUP :
Rabu, 30 Disember 2020M,
tidak lewat jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN KESIHATAN



PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. BIL. TAWARAN :
KK / 176 / 2020 / 2021 / MOH

KETERANGAN :
SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING AND
COMMISSIONING OF
SAFETY BOOTS
FOR
EMERGENCY MEDICAL
AMBULANCE SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

2. BIL. TAWARAN :
KK / 184 / 2020 / 2021 / PPN (TC)

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
CONSUMABLE ITEMS
FOR
ORAL HEALTH
PROMOTION UNIT,
DEPARTMENT OF DENTAL
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD THREE (3) YEARS

3. BIL. TAWARAN :
KK / 185 / 2020 / 2021 / PPN (TC)

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY
OF
ORTHODONATIC BRACKETS
(BONDABLE) FOR
ORTHODONATIC UNIT,
DEPARTMENT OF DENTAL
SERVICES FOR A PERIOD OF
THREE (3) YEARS

4. BIL. TAWARAN :
KK / 186 / 2020 / 2021 / ESTEMOH

KETERANGAN :
UPGRADING OF
AIR-CONDITIONING AND MINOR
BUILDING WORKS
FOR
ENVIRONMENTAL SECTION,
SECOND FLOOR, OLD WING AT
DEPARTMENT OF SCIENTIFIC
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

5. BIL. TAWARAN :
KK / 188 / 2020 / 2021 / LAB (TC)

KETERANGAN :
TO SUPPLY AND DELIVER
SALMONELLA AGGLUTINATING
ANTISERA
FOR
CLINICAL
MICROBIOLOGY LABORATORY,
DEPARTMENT OF LABORATORY
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF
FIVE (5) YEARS USAGE

TARIKH TUTUP:
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]
5 JANUARI 2021



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
DI DALAM

UTAMA
DAERAH BRUNEI MUARA

TARIKH TUTUP :
26 JANUARI 2021 (SELASA)
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DWS / 018 / 2020

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL
KERJA-KERJA
PEMELIHARAAN STESYEN
PENGEPAK AIR UTAMA
DAERAH BRUNEI MUARA,
TUTONG DAN TEMBURONG

BILANGAN :
JKR / DWS / 019 / 2020

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA OPERASI
DI STESYEN PENGEPAK AIR



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 33 / SME / 2020

NAMA PROJEK :
MEMBEKAL TIGA (3) UNIT
'5-SEATERS WAGON'
UNTUK
JABATAN JALAN RAYA,
JABATAN KERJA RAYA



AIR-CONDITIONING SYSTEM
FOR
GROUP LOCATION 2
FOR 2 YEARS

NAMA PROJEK :
TERM CONTRACT FOR
OPERATION AND
MAINTENANCE WORKS OF

TARIKH TUTUP :
19 JANUARI 2021 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
RTB / 19 / 2020

SUPPLY AND DELIVERY
OF
NEWS PRODUCTION EDITING
SYSTEM FOR ASEAN SUMMIT
2021

Tarikh Tutup :
19 Januari 2021, jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

BILANGAN TAWARAN :
JDB / BKPD / SH / 41 / 2020

TAJUK TAWARAN :
MAINTENANCE AND
REPAIR OF SPLIT UNIT
AT DEWAN SERBAGUNA
SUNGAI MAU
MUKIM BUKIT SAWAT,
KUALA BELAIT



TARIKH TUTUP :
29 DESEMBER 2020 (Selasa)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG
BERDAFTAR DALAM

KELAS : IV & V

KATEGORI :
B01, KA01 & KP02

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM036 / 2020
NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN
DAN MENAIKTARAF
BANGUNAN MAHKAMAH
TINGGI -
MAHKAMAH BESAR,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



**19 JANUARI 2021 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

TARIKH TUTUP :



JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

Tawaran :
JPH / 003 / TAW / 349 / AKDT /
2020-2021
'MEMBAIK PULIH STRUKTUR
CANOPY WALKWAY DAN
SEKITARNYA DI TAMAN NEGARA
ULU TEMBURONG'

Tarikh Tutup Tawaran :



Selasa, 29 Disember 2020,
2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM

KELAS : III / IV
KATEGORI : B01 & KP02

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSIMU038 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH,
MENGECAT, DAN PENGGANTIAN
KOMPLEKS SUKAN TELIPOK
DI JALAN KUMBANG PASANG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
5 JANUARI 2021 (SELASA)



JAM 2.00 PETANG



JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

KENYATAAN BAGI
MENDAPATKAN
TAWARAN SEBUT HARGA

BILANGAN RUJUKAN :
JBBSB / SH / 2020-2021 / 12 / UP

TAJUK SEBUT HARGA :
ELECTRICAL WORKS
(FLOODLIGHT)
AT TAMAN JUBLI PERAK



BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP :
KHAMIS, 31 DISEMBER 2020
JAM 2.00 PETANG



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

Reference:
DCA / HSSE / 2020 / T1

Name:
Pagar keselamatan dan
Sistem Pengesahan
Pencerobohan di Lapangan Terbang
Antarabangsa Brunei



Closing date:
Tuesday, 19 January 2021, 2.00 PM



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAKLUMAN PEMBERITAHUAN
TAWARAN KEMENTERIAN
PERTAHANAN

1. TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / RC / 280 (1)
PROGRAM PERKEMBANGAN
EKSEKUTIF (EDP)
SIRI 17/18/19 (2021 - 2023)
BAGI
PEGAWAL-PEGAWAI KANAN
KERAJAAN
ANJURAN KEMENTERIAN
PERTAHANAN
- KUANTITI 1 LOT

TARIKH TUTUP :
SELASA, 19 JANUARI 2021,



[TIDAK LEWAT
JAM 2.00 PETANG]



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 53 / CQS / 2020 - T / VI

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
DAN MENAIKTARAF
BANGUNAN MUZIUM BRUNEI
DAN BANGUNAN PAMERAN
SECARA MENYELURUH

TARIKH TUTUP :
26 JANUARI 2021 (SELASA)



TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / RC / 256 (2)

SUPPLY OF DOG MEDICINES
FOR
GURKHA RESERVE UNIT -
FIVE (5) YEARS CONTRACT

TARIKH TUTUP
DILANJUTKAN KEPADA:
SELASA,
12 JANUARI 2021,
[TIDAK LEWAT
JAM 2.00 PETANG]



UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
DIVISYEN PENGURUSAN KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

NOTIS SEBUT HARGA

1. BIL. SEBUT HARGA :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2020 / Q35

TO SUPPLY AND DELIVERY
OF VIDEO CONFERENCE SYSTEM
FOR
MINISTRY OF DEVELOPMENT

2. BIL. SEBUT HARGA :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2020 / Q36

TO SUPPLY AND DELIVERY
OF A3 LASERJET PRINTER FOR
MINISTRY OF DEVELOPMENT

TARIKH TUTUP :
Isnin, 4 Januari 2021



Jam : sebelum 9.00 Pagi



Jangan terlalu khayal dengan dunia maya

PEMBANGUNAN dan kemajuan teknologi mengubah cara manusia berkomunikasi dan berinteraksi. Daripada komunikasi bersemuka, bentuk komunikasi berubah kepada komunikasi berperantara terutama dengan pembangunan teknologi media baharu. Kini, semakin ramai yang memasuki dunia maya sehingga ia membentuk jaringan sosial dalam talian terutama sekali di kalangan anak-anak.

"Sebagai ibu bapa, kita seharusnya menyedari bahawa anak-anak zaman kini menganggap dunia siber sebagai alam realiti, yang mana melalui dunia siber inilah mereka berkomunikasi dengan rakan, mencari maklumat dan bermain permainan siber. Situasi ini menyebabkan apa yang berlaku di alam siber boleh mempengaruhi emosi dan memberi kesan kepada anak hingga boleh membuatkan mereka berasa gembira, sedih atau kecewa. Walaupun ia berlaku di alam siber tetapi emosi yang melanda anak adalah nyata seperti yang dialami di alam realiti maka ibu bapa harus berupaya untuk memahami dan menangani situasi ini seperti di alam realiti juga". - **Yatie HS, Mentiri.**

"Setiap individu mempunyai cara tersendiri dalam hidup mereka. Masing-masing dalam dunia ini ingin kelihatan hebat, terbaik dan bahagia. Apabila seseorang itu hendak menunjukkan bahawa kononnya dia bahagia, mereka akan gunakan media sosial untuk menonjolkan kebahagiaan itu walaupun realiti, ia sebaliknya. Kadang-kadang ada yang sanggup berlajar demi untuk mengambil gambar terlebih dahulu sebelum menjamah makanan tersedia dan kemudian menaik turun gambar tersebut ke laman sosial". - **Ak Alai, Rimba.**

"Manusia di zaman ini sangat jauh berbeza dari zaman dahulu, terutama sekali sebelum adanya teknologi. Dahulu manusia hanya hidup di satu dunia sahaja tetapi sekarang manusia hidup di dua dunia yang berbeza yang boleh menjadikan karakter seseorang itu juga berlainan. Dunia maya biasanya indah tidak seperti dunia nyata". - **Hanya Aku, BSB.**

"Jenayah siber dalam kalangan kanak-kanak dan remaja sememangnya membimbangkan ibu bapa kerana ada kalanya mereka tidak menyedari anak menjadi mangsa jenayah alam maya. Ramai ibu bapa keliru dan meragui sejauh mana pembabitan anak dalam talian dan keselamatan serta aktiviti yang mereka lakukan di alam maya. Ada yang dibuli menerusi komen dan hinaan, tidak kurang juga diintai, diganggu, dirangsang, didera dan dieksploitasi secara seksual". - **Biru Mata Hitamku, BSB.**

"Teknologi pemangkin tamadun manusia hari ini, tanpa disedari masyarakat bergantung sepenuhnya kepada teknologi. Teknologi membantu memudahkan kehidupan. Namun, tidak semua teknologi digunakan dengan sebaiknya. Terpulang pada kebijaksanaan untuk menilai dan menggunakannya sebaik mungkin. Melalui talian internet, jarak dan masa bukan lagi penghalang dalam perhubungan. Internet menjadi platform maklumat berjuta-juta pengguna di seluruh dunia dan turut membenarkan maklumat dan gosip disebar secara bebas. Ramai dalam kalangan kita yang menyalahgunakan kemudahan ini dengan menyebarkan fitnah. Inilah fitnah siber di mana teknologi memudahkan kita memuat naik, menghebahkan (*share*) dan mudahnya memilih suka (*like*) mahupun tidak suka (*dislike*) perkara yang belum pasti kesahihannya secara berperingkat ia tersebar ke saluran rasmi sehingga dilaporkan secara sensasi dan *viral* di serata daerah. Lebih ramai berkomunikasi, lebih besarlah kemungkinan fitnah itu tersebar secara meluas". - **Anak Brunei, Jalan Muara.**

Komunikasi dan interaksi sosial kadang kala tidak terkawal melalui dunia maya tetapi saya sebagai penulis ruangan ini berharap kita semua jadilah pengguna yang bijak membezakan agar tidak terpedaya dengan apa yang dikongsi di laman-laman sosial.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn
i. Belia Jangan Terlalu Memilih Pekerjaan.
ii. Pemilihan Makanan Sihat, Jauhi Makanan Segera.



Kenali Bahasa Brunei

balaman bermaksud potongan kayu kira-kira satu kaki atau dua kaki panjang, biasanya kayu bakau yang digunakan sebagai bahan bakar.

Contoh pemakaian kata : Uda maimpungan **balaman** kan dibuat kayu api.

bagas bermaksud bekas tempat menyimpan atau menaruh sesuatu.

Contoh pemakaian kata : ambilkanku **bagas** tapung atu, kan manyucur udang kudaulu.

bibai bermaksud :

1. congeh atau luka memanjang dan dalam pada anggota badan.

Contoh pemakaian kata : batisnya **bibai** tasibai pamarang.

2. koyak memanjang pada kain, guni, dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : jangan lagi dipakai kain tajung kita atu, **bibai** udah tu.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG KERIAM



Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

SAYUR BATANG PISANG MASAK LEMAK

BAHAN-BAHANNYA :

Batang pisang (dihiris nipis)
5 biji bawang merah
4 ulas bawang putih
7 biji cili padi
1/2 biji kelapa tua (ambil santannya)
1 inci belacan
Garam secukupnya
Ikan masin (dipotong dadu)

Garam dan serbuk perasa secukupnya
Air secukupnya
Minyak

CARA MEMBUATNYA :

Batang pisang yang telah dihiris diuli dengan garam sehingga lembut lalu dicuci dan

ditoskan. Bawang merah, bawang putih, cili padi dan belacan ditumbuk kemudian tumiskan dengan minyak sedikit sehingga naik bau. Setelah itu, masukkan batang pisang dan ikan masin dan air secukupnya. Akhir sekali masukkan santan, garam dan perasa secukupnya. Biarkan mendidih sehingga masak.

Persiapan awal bagi penggal persekolahan baharu



DAYANG Nourul Ezanie binti Haji Awang Chuchu dari Kampung Jerudong bersama suami semasa ditemu bual (atas). Manakala gambar kanan, suasana orang ramai membeli seragam sekolah siap pakai bagi kegunaan anak-anak mereka.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Disember. - Hanya tinggal kurang dari dua minggu sahaja lagi musim cuti persekolahan penggal keempat akan berakhir. Ini bermakna, musim persekolahan penggal pertama

bagi tahun 2021 akan bermula. Pada 4 Januari 2021 nanti, sekolah-sekolah di seluruh negara akan mulai sibuk dan kembali hingar bingar dengan kembalinya murid-murid, pelajar-pelajar dan para pendidik ke sekolah masing-masing.

Ibu bapa dan penjaga juga mulai membanjiri kedai-kedai buku dan peralatan sekolah di seluruh daerah bagi memastikan persiapan persekolahan anak mereka tersedia sebelum bermulanya sesi persekolahan.

Manakala pakaian seragam siap jahit turut menjadi tumpuan para ibu bapa yang banyak diperoleh di kedai-kedai, di mana harganya lebih murah berbanding ditempah di kedai jahit. Namun ada juga yang lebih gemar membuat tempahan pakaian seragam di kedai-kedai jahit berdasarkan ukuran badan yang dikehendaki.

Dayang Nourul Ezanie binti Haji Awang Chuchu dari Kampung Jerudong ketika ditemui berkata, setiap tahun beliau akan membeli pakaian seragam sekolah anaknya pada awal bulan Disember demi mengelakkan daripada kehabisan saiz baju dan bersesak-sesak.

"Saya lebih suka membuat persediaan awal dalam keadaan bertenang kerana takut jika dibuat pada penghujung bulan takut ada barang yang berciciran. Ia memudahkan bagi saya dan suami dalam menyediakan barang-barang keperluan sekolah anak sebelum bermulanya sesi persekolahan," ujarnya.

Dalam pada itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Berita dan Foto : Aimi Sani

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan pula sememangnya mengambil berat akan keperluan pendidikan di negara ini bagi mempersiapkan belia negara dengan ilmu pengetahuan.

Bagi anak-anak murid dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah, pihak kerajaan telah memperkenalkan Skim Miftaahun

Najaah yang pada asalnya dikenali sebagai Program Bantuan Pendidikan (PBP) yang sudah bermula sejak tahun 2011, di mana para penuntut yang ditawarkan skim berkenaan akan dihulurkan bantuan berupa keperluan persekolahan seperti beg, kasut, pakaian seragam, buku dan sebagainya agar mereka dapat meneruskan pembelajaran dengan sempurna.



OPS Pumpung sasar gerai makan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BELAIT, Isnin, 21 Disember. - Sebanyak 19 buah gerai makan di kawasan Seria, Daerah Belait menjadi sasaran OPS Pumpung Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) 164 / 2020. Hasil daripada operasi tersebut

mendapati dua orang warganegara asing yang akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17.

Salah seorang daripadanya didapati melanggar peruntukan Peraturan 15(3), iaitu bekerja tidak

mengikut apa yang tercatat di dalam Pas Kerja yang dibenarkan dan seorang lagi melanggar Peraturan 9(4), iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Manakala tiga orang warganegara asing juga disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17, dan seterusnya diarah melaporkan diri ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Kuala Belait untuk tindakan selanjutnya.

Aktiviti penguatkuasaan di negara ini akan terus ditingkatkan dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan berpandukan kepada maklumat yang ada, sama ada secara bersendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi Hotline JIPK : +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) dan +673 8984111 (Kuala Belait). Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya.



OPS Pumpung JIPK 164 / 2020 yang sedang dijalankan di gerai makan di kawasan Seria, Daerah Belait.

Gangguan bekalan, isu air kekuningan

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

SERIA, Selasa, 22 Disember. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan melalui Siaran Akhbar bertarikh 20 Disember 2020 ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa sebahagian kawasan di Seria dan keseluruhan Mukim Kuala Belait serta Mukim Kuala Balai akan mengalami gangguan bekalan air dan isu warna air kekuningan yang disebabkan oleh kerja-kerja pembaikan dan penggantian filter media bagi tangki nombor lima dan nombor tujuh di Loji Rawatan Air Seria.

Gangguan tersebut juga adalah disebabkan oleh paras air yang tinggi di Sungai Badas yang mengakibatkan kekeruhan air.

Sehubungan itu, JKR ingin memaklumkan juga bahawa kerja-kerja ke atas tangki-tangki tersebut akan mengambil masa selama tiga bulan dan akan dilaksanakan secara berjadual.

JKR ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa setiap langkah telah diambil untuk menangani masalah air kekuningan dengan secepat yang mungkin dan memastikan air yang dikeluarkan daripada Loji Rawatan Air Seria mengikut garis panduan WHO yang selama ini digunakan.

JKR juga ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air serta menghubungi Talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui tanker atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Orang ramai juga disarankan untuk membersihkan tangki masing-masing bagi mengurangkan masalah air kekuningan. Oleh itu, JKR ingin meminta maaf atas perkara ini dan berterima kasih atas kefahaman serta kesabaran orang ramai.

PELITA BRUNEI, Rabu, December 21, 1960.

MUKA 7

PERTANDINGAN BOLA SEPAK SEKOLAH2 SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sultan Omar Ali Saifuddin College telah memperolehi dua gelaran dalam pertandingan bola sepak di-antara sekolah2 sa-negeri ini.

Maktab itu telah menjadi johan dalam pertandingan akhir bola sepak bahagian2 "B" dan "C".

Dalam bahagian "B" Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengalahkan Anthony Abell College, Seria dengan 4 gol tidak berbalas.

Maktab tersebut telah mengalahkan Saint Michael School, Seria dalam pertandingan akhir bahagian "C" dengan 2 gol berbalas satu.

Dalam pertandingan akhir bola sepak bahagian "A" pula, Chung Hwa Middle School, Kuala Belait telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dengan 1 gol tidak berbalas.

Semua pertandingan akhir bola sepak itu telah di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei dan di-saksikan oleh ramai para penonton.

Pertandingan akhir bahagian "A" telah di-langsungkan pada petang 10 December.

Semua murid2 sekolah yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu berumur 12 tahun ka-bawah.

Sa-belum pertandingan itu di-mulai pasukan2 Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Chung Hwa Middle School, Kuala Belait telah berbaris masuk ka-tengah padang dengan berasingan dan membuat bulatan sambil memberi tabek kepada para penonton.

Sapuluh minit sa-lepas pertandingan itu di-mulai Han Lok Fong telah berjaya menjaringkan gol yang tunggal dalam pertandingan itu bagi pehak pasukan Chung Hwa Middle School.

Dalam masa pertengahan yang kedua kedua2 pasukan telah tidak berhasil menjaringkan gol dengan berkesudahan Sekolah China Chung Hwa, Kuala Belait mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dengan satu gol tidak berbalas.

Pertandingan akhir bola sepak bahagian "B" terbuka kepada murid2 yang berumur 16 tahun ka-bawah telah juga di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 10 December, ia-itu sa-lepas selesai pertandingan bahagian "A".

Dalam masa pertengahan yang pertama Sultan Omar Ali Saifuddin College telah menjaringkan satu gol dengan tidak berbalas.

Sa-telah pertandingan di-sambungkan sa-mula, Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mendapat 3 gol lagi, manakala Anthony Abell College telah tidak bernasib baik menjaringkan satu gol pun.

Awangku Othman bin Pengiran Damit telah menjaringkan tiga gol dan Awangku Tahir satu

gol bagi pasukan Sultan Omar Ali Saifuddin College.

Hadiah2 kepada johan dan naib johan dalam kedua2 pertandingan itu telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Wan Omar, Setia Usaha Kerajaan, Brunei sa-lepas pertandingan bahagian "B".

Pertandingan akhir bahagian "C" terbuka kepada murid2 sekolah yang berumur 16 tahun ka-tas telah di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei pada petang hari Juma'at 9 December.

Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengalahkan Saint Michael School, Seria dengan 2 gol berbalas 1 dalam satu pertandingan yang hebat.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed bin Pengiran Piut telah mengisytiharkan permulaan pertandingan itu dengan menendang bola.

Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengejutkan Saint Michael School pada sa'at yang pertama apabila Ariffin pemain S.O.A.S. College menendang bola dengan kuat ka-dalam pintu gol Saint Michael School.

Pada masa berehat S.O.A.S. College mendapat 1 gol dengan tidak berbalas.

RUMAH MELINTANG MENANG

SERIA. — Rumah Melintang telah menjadi johan dalam pertandingan rugby 7 orang sa-pasokan di-antara rumah2 Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell.

Rumah Selila telah mengalahkan Rumah Pandan dengan 17 mata tidak berbalas dalam satu pertandingan permulaan.

Dalam satu lagi pertandingan permulaan Rumah Melintang telah mengalahkan Rumah Teraja

Pertandingan itu telah beroleh seri pada sa'at yang ke-12 dalam masa pertengahan yang ke-dua. Gol itu di-jaringkan oleh Hashim bagi pasukan Saint Michael.

Tiga minit sa-belum tamat pertandingan itu, para penonton khas-nya penyokong2 pasukan Sultan Omar Ali Saifuddin College telah bertepok sorak dengan kuat — tepok sorak itu-lah sebagai tanda mengucapkan tahniah kepada S.O.A.S. College yang telah berjaya memenangi pertandingan itu apabila Saifun Laman menjaringkan gol yang membawa kemenangan kepada pasukan-nya.

Inspektor Mustapha telah mengadakan pertandingan itu.

Hadiah2 di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed.

PULIS B. B. BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Pulis Bandar Brunei telah mengalahkan Pasokan Champoran Pulis Kuala Belait dan Seria dengan 2 gol berbalas 1 dalam satu pertandingan sa-chara persahabatan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu.

Awang Tajuddin dan Samri telah menjaringkan gol2 bagi pasukan tempatan, manakala Buang menjaringkan gol yang tunggal di-perolehi oleh pasukan champoran tersebut.

1209 KANAK2 BERTANDING

BANDAR BRUNEI. — Sajumlah 1209 kanak2 sekolah telah mengambil bahagian dalam pertandingan bola sepak di-antara sekolah2 di-seluruh Negeri Brunei baharu2 ini.

Kanak2 tersebut ada-lah terdiri dari 93 pasukan.

Perlawanan rugby

SERIA. — Dua perlawanan rugby telah di-langsungkan di-sini pada minggu yang lalu.

Dalam perlawanan yang pertama Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell telah mengalahkan Pasokan Champoran Panaga dan Field Force dengan 11 mata berbalas 3.

Pasokan Miri telah mengalahkan Bandar Brunei dengan 11 mata tidak berbalas.

Pada masa berehat kedua2 pasukan telah beroleh seri, 1 gol berbalas 1.

Gol yang membawa kemenangan kepada pasukan Pulis Bandar Brunei telah di-jaringkan oleh Samri pada pertengahan masa yang ke-dua.

Sa-lepas pertandingan itu Puan Outram, Isteri Pesuruh Jaya Pulis, Brunei, telah menyampaikan hadiah piala2 perak kepada Pasokan Pulis Bandar Brunei dan kepada ahli2 pasukan itu yang telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan bola sepak di-antara pasukan2 pulis di-negeri ini tidak berapa lama dahulu.

Puan Outram juga telah menyampaikan hadiah piala2 perak kepada ahli2 pulis tempatan yang berjaya dalam perlawanan bil-liard baharu2 ini.



Pasokan2 Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei dan Sekolah China Chung Hwa, Kuala Belait bergambar ramai sa-belum di-langsungkan pertandingan bola sepak di-Bandar Brunei sa-bagai mana di-beritakan di-muka ini.

Persiapan persekolahan makin rancak



KELIHATAN kedai-kedai jahit yang membuat pakaian seragam sekolah hampir memenuhi ruang tempat kedai jahit berkenaan dengan seragam sekolah yang sudah siap dijahit (atas dan kanan).

sekolah seperti buku, alat-alat tulis dan sebagainya akan dibeli bagi persiapan persekolahan anak masing-masing. Juga tidak ketinggalan para ibu bapa dan penjaga akan membuat label nama bagi buku sekolah anak masing-masing, di samping membuat pakaian seragam bagi anak-anak mereka di kedai-kedai jahit berdekatan.

Pelita Brunei membuat tinjauan ke beberapa buah kedai jahit yang membuat pakaian seragam sekolah dan mendapati baju seragam sekolah yang siap dijahit digantung di dinding dan hampir memenuhi ruang tempat kedai jahit berkenaan.

Ada juga ibu bapa dan penjaga memilih untuk membeli pakaian seragam sekolah yang siap sedia dan dijual di kedai-kedai dengan harga yang berpatutan.

Dayang Bibiana binti Abd. Rahim dari Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang menjelaskan bahawa memang kelazimannya apabila musim persekolahan, para ibu bapa dan penjaga memang sibuk menyediakan keperluan sekolah anak-anak.

"Bukan itu sahaja, sebagai ibu bapa kita harus mempersiapkan mentaliti anak-anak dengan



menanamkan semangat ke dalam diri mereka untuk kembali bersekolah," jelasnya semasa ditemui Pelita Brunei.

Dalam pada itu, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan pula sememangnya mengambil berat akan keperluan pendidikan di negara ini bagi mempersiapkan belia negara dengan ilmu pengetahuan.

Bagi anak-anak murid daripada

kalangan keluarga berpendapatan rendah, pihak kerajaan telah memperkenalkan Skim Miftaahun Najaah yang pada asalnya dikenali sebagai Program Bantuan Pendidikan yang sudah bermula sejak tahun 2011, di mana para penuntut yang ditawarkan skim berkenaan akan dihulurkan bantuan berupa keperluan persekolahan seperti beg, kasut, pakaian seragam, buku dan sebagainya agar mereka dapat meneruskan pembelajaran dengan sempurna.

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Selasa, 22 Disember. - Lebih seminggu sahaja lagi musim cuti penggal persekolahan ke-4 akan berakhir. Ini menandakan musim penggal pertama persekolahan bagi tahun 2021 tidak lama lagi akan bermula.

Musim persekolahan dan kemasukan pelajar-pelajar baharu bagi sekolah-sekolah di seluruh

negara akan bermula awal Januari 2021 ini, di mana para ibu bapa dan penjaga sudah tentu mula sibuk untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Dalam pada itu, dengan saki baki cuti yang masih ada, para ibu bapa dan penjaga pada ketika ini semakin sibuk membuat persiapan untuk kembali ke persekolahan.

Segala keperluan peralatan

MINDA PEMBACA

Manfaatkan cuti persekolahan dengan bijak

OBJEKTIF utama cuti persekolahan adalah untuk berehat dan meluangkan masa bersama keluarga tercinta. Anak-anak tidak perlu lagi mengikuti rutin harian seperti norma hari persekolahan, malah sebaliknya mereka bebas untuk menyusun jadual harian mereka. Di sinilah peranan ibu bapa dalam merancang aktiviti yang berfaedah seimbang dengan keseronokan dan pengisian ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam pelbagai bidang.

Melibatkan anak-anak dalam menyertai program yang berbentuk keagamaan seperti Program Keagamaan Negara, menyertai aktiviti anjuran Belia Masjid, belajar mengaji Al-Quran atau menyertai Bengkel

Berbentuk Fardu Kifayah seperti cara pengurusan jenazah di waktu percutian secara tidak langsung membuka minda anak-anak ke arah pementapan iman. Aktiviti sebegini akan memastikan anak-anak beramal dengan hukum-hukum dan sistem kehidupan yang diingini Allah dalam mewujudkan modal insan yang dididik mengikut ajaran Islam yang sebenar.

Menyarankan anak-anak menyertai kem motivasi seperti perkhemahan belia-belia juga dapat membentuk meningkatkan keyakinan diri ketika berhadapan dengan cabaran dunia yang kian menguji minda dan fizikal. Objektif perkhemahan sedemikian akan dapat melahirkan anak-anak yang berani, berfikiran positif, proaktif,

lebih berdisiplin, percaya kepada kebolehan diri sendiri, di samping mempunyai ciri kepimpinan untuk memikul setiap tanggungjawab dalam memenuhi hasrat ke arah aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Beriadah bersama keluarga seperti mendaki bukit, berjalan kaki, berlari atau berbasikal juga dapat meningkatkan kecergasan tubuh badan, di samping mengeratkan hubungan kekeluargaan. Pendedahan dalam menyertai kerja amal seperti membantu mangsa-mangsa banjir atau kebakaran boleh mendedahkan anak-anak bersifat 'jangan camah mata' di atas kesusahan yang menimpa malah bersikap 'ringan tulang' dalam menghulur bantuan semata-mata menabur bakti demi

kesejahteraan ummah.

Bijak dalam memanfaatkan masa dengan pemilihan aktiviti yang bermanfaat untuk anak-anak akan menjamin mereka tidak mudah terjebak dengan kegiatan yang boleh merosakkan akhlak dan membuang masa. Pepatah Arab mengatakan, 'Masa ibarat pedang, jika kita tidak memotongnya, maka masa akan memotong kita'. Oleh itu, masa adalah aset yang bernilai dalam kehidupan kerana masa tidak boleh diputar kembali walau sesaat.

Nama: Afiqah Zawannah @ Siti Nurhijriah binti Hamdani
No. Kad Pengenalan : 01-125475

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Tingkat Kesedaran Kesihatan Mental Masyarakat'. Tarikh Tutup : 23 Disember 2020
2. 'Rasuah Mendatangkan Kesan Buruk'. Tarikh Tutup : 30 Disember 2020
3. 'Kesan Negatif Kejadian Bencana Alam'. Tarikh Tutup : 06 Januari 2021

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Membanteras pemerdagangan manusia

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Sumber : Voluntary National Review Report of Brunei Darussalam

Foto : Jabatan Penerangan



PEMERDAGANGAN manusia (TIP) adalah pelanggaran berat hak asasi manusia, di mana wanita dan kanak-kanak adalah mangsa yang paling rentan.

Kerajaan telah menggubal berbagai perundangan seperti Perintah Pencegahan Penyeludupan Orang 2019, Perintah Anti Pemerdagangan Orang 2019 serta Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (Bab. 120) untuk memastikan sokongan dan perlindungan hak asasi manusia, terutama wanita dan kanak-kanak. Untuk membiayai kos penghantaran balik orang yang diseludup dan diperdagangkan atau tujuan lain, Negara Brunei Darussalam juga telah menubuhkan 'Dana Anti Pemerdagangan Orang'.

Dalam beberapa tahun terakhir, kerajaan telah membuat kemajuan dalam usaha-usaha penguatkuasaan undang-undang anti pemerdagangan manusia dengan meningkatkan kemampuan hakim dan agensi penguatkuasaan undang-undang melalui penyaluran antara agensi, program dan bengkel latihan serantau dan antarabangsa, termasuk yang dianjurkan oleh ASEAN, serta bantuan teknikal.

Unit Penyiasatan Pemerdagangan Manusia (HTU) PPDB telah meningkatkan usahanya dengan menyaring petunjuk pemerdagangan manusia dalam kes-kes yang melibatkan pelacuran, gaji yang tidak dibayar, pekerja yang melarikan diri, atau penyalahgunaan pekerja. HTU juga menerima kes-kes rujukan dari agensi lain mengenai kemungkinan kes TIP. Pendakwaan untuk kesalahan tidak memperdagangkan manusia, seperti penyeludupan manusia atau pelanggaran buruh dan kesalahan di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (Bab. 120), hasil daripada siasatan HTU.

Untuk melindungi mangsa TIP, Negara Brunei Darussalam telah memperluas langkah-langkah perlindungan mangsa selama prosiding kehakiman dan menjalankan prosedur pemeriksaan mangsa serta memperkuat siasatan terhadap dakwaan penyalahgunaan pekerja untuk pemerdagangan manusia.

Pada tahun 2016, negara telah memperkenalkan pindaan perundangan pada Seksyen 236B Kanun Prosedur Jenayah yang membolehkan mangsa memberikan bukti melalui pautan video langsung atau televisyen secara langsung dalam sebarang pertanyaan, perbicaraan, rayuan atau prosiding jika mahkamah berpuas hati bahawa ia adalah wajar dalam kepentingan keadilan. Lima Mahkamah Teknologi telah ditubuhkan dengan biaya BND4.5 juta yang dilengkapi dengan sistem komputer dan juga peralatan audio-visual, termasuk kemudahan rakaman berasaskan komputer yang membolehkan keterangan lisan direkodkan secara digital. Kemudahan tersebut memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada mangsa pemerdagangan manusia dan juga mendorong mereka untuk memberi keterangan terhadap pemerdagangan manusia. Garis panduan temu ramah standard juga digunakan untuk menyaring dan mengenal pasti mangsa pemerdagangan manusia yang berpotensi dalam operasi dengan unsur-unsur TIP yang disyaki.

Negara Brunei Darussalam telah meneruskan usaha pencegahannya melalui program latihan untuk pegawai buruh dan imigresen serta NGO. Kempen kesedaran telah dilakukan atas kesalahan dan hukuman di bawah undang-undang berkaitan imigresen, pasport, perdagangan buruh dan penyeludupan orang yang berkaitan dengan undang-undang.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) meneruskan peranannya dalam mempromosikan dan melindungi hak wanita dan kanak-kanak dengan memberikan tempat tinggal dan penjagaan kepada mangsa TIP. Perancangan sedang dilakukan untuk pembangunan tempat perlindungan baru, tempat yang selamat, yang akan siap pada tahun 2021. Tempat perlindungan ini akan menekankan persekitaran rumah dan bertujuan untuk memberi mangsa penyalahgunaan dan mereka yang memerlukan perlindungan dengan rasa selamat dan keselesaan rumah.

Memandangkan masalah TIP yang serius, Negara Brunei Darussalam telah aktif terlibat dalam usaha antarabangsa dalam menangani masalah global ini. Negara Brunei Darussalam telah berkolaborasi dengan Pejabat PBB mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) dan turut serta dalam berbagai pertemuan serantau dan antarabangsa yang berkaitan dengan isu-isu mengenai penyeludupan orang, TIP dan jenayah transnasional.

Negara Brunei Darussalam telah mengesahkan Konvensyen ASEAN Menentang Pemerdagangan Orang, Terutama Wanita dan Kanak-kanak, yang mula berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam pada 24 April 2020. Pada 14 November 2017, Negara Brunei Darussalam menandatangani Konsensus ASEAN mengenai Perlindungan dan Promosi Hak-Hak Pekerja Asing. Pada tahun 2020, Negara Brunei Darussalam telah menyetujui Protokol Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Mencegah, Mencegah dan Menghukum Pemerdagangan Orang, Terutama Wanita dan Kanak-kanak, sebagai tambahan kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Jenayah Organisasi Transnasional.

Dalam mempromosikan hak asasi manusia dalam konteks serantau, Negara Brunei Darussalam memberikan sumbangan tahunan kepada Dana Suruhanjaya Antara Kerajaan untuk Hak Asasi Manusia (AICHR) dan menyumbang kepada pengembangan Kajian Tematik AICHR termasuk mengenai bantuan undang-undang. Negara Brunei Darussalam kini bekerjasama dengan Negara-negara Anggota ASEAN yang lain mengenai Kajian Tematik mengenai Hak untuk Pendidikan, Hak untuk Keamanan, Hak untuk Hidup dan Keadilan Remaja.

Peruntukan Pengenalan Undang-Undang

Negara Brunei Darussalam mempunyai dasar kewarganegaraan tunggal dan tidak mengiktiraf kewarganegaraan berkembar. Ini juga tidak membenarkan pemberhentian

kewarganegaraan Brunei jika orang tersebut tidak mempunyai status kebangsaan lain. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Bab. 79) dan Akta Pendaftaran Nasional (Bab. 19), yang mewajibkan pendaftaran semua orang dalam jangka waktu yang ditentukan, memberikan langkah-langkah yang diperlukan bagi kerajaan dalam penyediaan identiti sah.

Undang-undang Kewarganegaraan Brunei (Bab. 15) memberikan perolehan untuk bapa atau ibu dari Negara Brunei Darussalam untuk mendapatkan kewarganegaraan untuk anak-anak mereka. Undang-undang tersebut menggariskan bahawa bukan warganegara, termasuk orang-orang tanpa kewarganegaraan, yang merupakan penduduk tetap, dapat dinaturalisasikan tertakluk pada pemenuhan kriteria tertentu, termasuk tempoh penguasaan, kefasihan dalam bahasa Melayu dan pengetahuan tentang budaya dan tradisi Brunei. Antara tahun 2015 dan 2019, 1,926 orang diberikan kewarganegaraan.

Kerajaan mengeluarkan Sijil Identiti bagi penduduknya yang tidak mempunyai kewarganegaraan, termasuk mereka yang mempunyai status penduduk tetap, untuk membantu mereka melakukan perjalanan ke luar negara dan kembali ke negara ini. Kerajaan memastikan permohonan inklusif Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Bab. 79), yang memperuntukkan bahawa semua anak, termasuk anak-anak tanpa kewarganegaraan, yang dilahirkan di negara tersebut harus mendaftarkan kelahiran mereka dan statistik yang relevan disimpan.

Pihak berkuasa yang relevan di Negara Brunei Darussalam lebih komited untuk menjalankan kempen kesedaran di seluruh negara yang berkaitan dengan pendaftaran kelahiran dan kematian, serta urusan imigresen dan kewarganegaraan. Program kesedaran mengenai Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Bab. 79) dan Peraturannya kepada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dilaksanakan baru-baru ini pada tahun 2018 dan awal 2020.

Fenomena astronomi unik dilihat di Pulau Pinang selepas 800 tahun



BALIK PULAU, 22 Dis. - Masyarakat di Pulau Pinang, khususnya pengkaji bintang, cukup bertuah semalam apabila mereka berpeluang menyaksikan fenomena "Great Conjunction" atau "kesebarisan" planet Musytari dan Zuhal yang kali terakhir dilihat pada 4 Mac 1226.

Menurut Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Kebangsaan Amerika Syarikat (NASA), fenomena itu merujuk kepada penajaran dua planet berkenaan yang akan berakhir dengan kedua-duanya kelihatan hampir bertindih. Keadaan langit yang cerah membolehkan kesebarisan kedua-dua planet tersebut dilihat dengan mata kasar di barat daya kaki langit sebaik

matahari terbenam.

Bernama menyertai 20 ahli Persatuan Astronomi Pulau Pinang (ASP) dan 15 kakitangan Jabatan Mufti Pulau Pinang menyaksikan fenomena itu di Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Acheh, Balik Pulau. "Great Conjunction" mula kelihatan pada 7.43 malam.

Mereka yang menyaksikan fenomena itu tidak melepaskan peluang mengabadikan detik tersebut dengan mengambil gambar dan berswafoto. "Saya akan mengingati saat ini selama-lamanya," kata seorang daripada mereka selepas berswafoto berlatar belakang kesebarisan dua planet berkenaan.

Sementara itu, Presiden ASP Prof Dr Chong Hon Yew berkata

penajaran terdekat kedua-dua planet sehinggalah kelihatan seolah-olah "bertindih" ialah pada 9.13 malam, namun pada masa berkenaan kedua-duanya sudah "tenggelam" di kaki langit.

"Apapun, fenomena ini sesuatu yang harus disaksikan dan diceritakan kepada generasi akan datang, kerana anda tidak akan dapat melihatnya lagi hinggalah 2080 nanti," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan Gan Ay Ling yang turut hadir menyaksikan fenomena tersebut di Pusat Falak Sheikh Tahir, berkata beliau berharap dapat mempromosikan Perlis sebagai negeri pelancongan astronomi.

Katanya banyak lokasi di Perlis berpotensi sebagai kawasan untuk mencerap bintang kerana kadar pencemaran cahaya yang rendah selain mempunyai tanah datar seperti Chuping dan Wang

Kelian.

"Saya berharap kerajaan negeri Perlis dapat menimbang perkara ini dan menilai potensinya untuk negeri," katanya.

©BERNAMA

Suruhanjaya Eropah luluskan vaksin COVID-19 pertama

ZAGREB, 22 Dis. - Suruhanjaya Eropah pada Isnin meluluskan penggunaan vaksin COVID-19 BioNTech dan Pfizer susulan cadangan positif Agensi Ubat-Ubatan Eropah (EMA), lapor Agensi Berita Croatia (HINA).

"Hari ini kita tambah bab penting untuk kisah kejayaan Eropah, dengan menyediakan vaksin COVID-19 pertama untuk orang Eropah," tweet Presiden Suruhanjaya Eropah Ursula von der Leyen.

Von der Leyen berkata lebih banyak vaksin akan dibawa masuk.

Vaksin diluluskan hari ini akan tersedia untuk semua negara EU dengan syarat sama.

Terdahulu, EMA meluluskan vaksin Pfizer dan BioNTech, setelah suruhanjaya itu mengkaji semua elemen yang diperlukan untuk kelulusan bersyarat dan memasarkannya serta berunding dengan semua negara EU sebelum membuat keputusan.

"Hari ini adalah penentuan buat Eropah & pengurusan COVID-19. Hari ini adalah hari perpaduan sebenar untuk tindakan EU," ciap Pesuruhjaya Kesihatan

Stella Kyriakides.

Persiapan untuk memperkenalkan vaksin di EU dibuat setelah *strain* baharu COVID-19 dikesan di Britain dan negara EU telah menutup sempadan dengan United Kingdom menjelang cuti perayaan Krismas.

EMA mengatakan kemungkinan besar vaksin itu berkesan untuk *strain* baharu COVID-19. EU menyasarkan untuk memvaksin sekurang-kurangnya 70 peratus daripada 450 juta penduduknya. - ©BERNAMA

Iran, P4+1 tegaskan resolusi PBB penting untukelihara perjanjian nuclear 2015

TEHRAN, 22 Dis. - Menteri luar Iran dan P4 + 1 (Britain, Perancis, Rusia, China + Jerman) pada Isnin menekankan pentingnya pelaksanaan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memelihara Pelan Tindakan Komprehensif Bersama (JCPOA), juga dikenali Perjanjian Nuklear Iran 2015, lapor Xinhua, memetik agensi berita rasmi Iran.

Susulan persidangan video tidak rasmi dalam kalangan peserta JCPOA, satu kenyataan dikeluarkan mengatakan perjanjian nuklear, seperti disahkan Resolusi 2231 Majlis Keselamatan PBB, tetap menjadi elemen penting dalam pembangunan nuklear global dan pencapaian diplomasi multilateral

yang berkesan sekali gus menyumbang kepada keselamatan serantau dan antarabangsa, lapor IRNA. Negara peserta JCPOA menegaskan kembali komitmen untuk memelihara perjanjian nuklear dan usaha masing-masing dalam hal ini di samping pelaksanaan kesepakatan penuh dan berkesan oleh semua tetap penting.

Dalam kenyataan itu, semua menteri menekankan peranan penting Agensi Tenaga Atom Antarabangsa sebagai organisasi tunggal antarabangsa yang bebas dan diberi mandat oleh majlis keselamatan untuk memantau dan mengesahkan pelaksanaan komitmen pengawalan senjata nuklear di bawah perjanjian

nuklear 2015. Mereka juga menekankan pentingnya kerjasama berterusan dengan agensi tersebut. Para menteri mengulangi kekesalan mendalam mereka terhadap pengunduran Amerika Syarikat daripada perjanjian itu, dan menekankan pelaksanaan Resolusi itu tetap diteruskan, kata kenyataan itu. Terdapat prospek AS mungkin kembali menyertai perjanjian itu.

JCPOA ditandatangani pada Julai 2015. Amerika Syarikat menarik diri daripadanya pada 8 Mei 2018, dan kemudian secara sepihak mengenakan sekatan ke atas Tehran, walaupun dibantah masyarakat antarabangsa. - ©BERNAMA

Kumpulan perubatan Jepun isytihar darurat COVID-19

TOKYO, 22 Dis. - Sembilan kumpulan perubatan di Jepun pada Isnin mengisytiharkan darurat apabila sistem rawatan di seluruh negara diancam krisis berikutan peningkatan kes COVID-19, lapor Jiji Press.

"Sistem perubatan yang membolehkan setiap orang menerima rawatan berada dalam situasi yang sangat tidak menentu," kata Ketua Persatuan Perubatan Jepun Toshio Nakagawa, pada sidang media bersama di Tokyo.

"Kita perlu mengurangi kes jangkitan baharu dengan apa jua cara," kata Nakagawa, yang menyifatkan penularan virus COVID-19 kini menjadi satu "ancaman luar biasa," dibandingkan dengan penyebaran influenza pada musim sejuk.

Sembilan kumpulan itu mendesak masyarakat mengambil langkah-langkah menyeluruh untuk mencegah jangkitan dan meminta pemerintah pusat dan

daerah menyokong petugas perubatan barisan hadapan.

Beberapa perwakilan daripada sembilan kumpulan itu meminta sekatan pergerakan lebih ketat oleh pemerintah untuk membendung virus tersebut.

Sembilan kumpulan itu termasuk Persatuan Hospital Jepun, Persatuan Perubatan Tokyo, Persatuan Pergigian Jepun, Persatuan Farmasi Jepun dan Persatuan Jururawat Jepun. - ©BERNAMA

China tumpu pembangunan tenaga bukan fosil

BEIJING, 22 Dis. - China berusaha membina sistem bekalan tenaga bersih yang pelbagai, dengan mengutamakan pembangunan tenaga bukan fosil.

Merujuk kepada kertas putih "Era Baharu Pembangunan Tenaga China" yang dikeluarkan Dewan Negara pada Isnin, selain tenaga bukan fosil, China kini gigih ke arah peralihan daripada tenaga tinggi karbon kepada tenaga rendah karbon serta sumber tenaga fosil kepada sumber tenaga boleh baharu.

Sementara itu, China juga menggalakkan penggunaan kuasa solar, mengoptimumkan kuasa angin, pembangunan hidroelektrik serta tenaga nuklear, biojisim, geoterma dan tenaga lautan.

Untuk rekod, kadar penggunaan elektrik yang dijana menerusi kuasa angin mencatat 96 peratus di negara ini pada 2019, manakala kadar penggunaan elektrik yang dijana Panel Solar Fotovolt (PV) pula sebanyak 98 peratus sementara penggunaan hidroelektrik 96 peratus.

Dalam perkembangan lain, China juga mendorong pengeksploitasi dan penggunaan arang batu yang selamat, pintar dan hijau serta membangunkan kuasa termal secara bersih.

Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada usaha meningkatkan kapasiti pengeluaran gas asli, cari gali, pengeksploitasi dan pemprosesan petroleum, di samping meningkatkan kecekapan penggunaan sumber tenaga tersebut.

Sejak 2016 hingga 2019, China telah menyingkirkan pengeluaran arang batu yang berkecekapan rendah sebanyak 900 juta tan setiap tahun.

Sementara nisbah kapasiti penjanaan kuasa elektrik menerusi arang batu daripada jumlah keseluruhan kapasiti terpasang menyusut kepada 52 peratus pada 2019 berbanding 65.7 peratus pada 2012. - ©BERNAMA

Konflik di utara Mozambique, 500,000 terpaksa dipindahkan

ANKARA, 22 Dis. - Serangan kumpulan bersenjata di wilayah Cabo Delgado di utara Mozambique memaksa lebih 500,000 orang meninggalkan kediaman mereka, hampir separuh penduduk yang kehilangan tempat tinggal (IDP) adalah kanak-kanak, lapor Agensi Anadolu, memetik UNICEF pada Isnin.

Sementara lebih 90 peratus IDP tinggal bersama keluarga angkat, kerana keadaan tidak aman sejak November itu masih berterusan di beberapa daerah di wilayah Cabo Delgado, menyaksikan penduduk mencari perlindungan didorong situasi tidak selamat dan sekatan ke daerah utara, kata UNICEF.

"Menurut ACLED, pada November 2020, lebih 201 peristiwa keganasan berlaku dan kira-kira 872 kematian dilaporkan," kata UNICEF dalam laporannya, merujuk kepada Projek Data Lokasi & Peristiwa Konflik Bersenjata, pengumpulan, analisis data waktu nyata dan projek pemetaan krisis.

Berikutan itu, UNICEF pada 28 November mengisytiharkan darurat tahap dua ekoran krisis itu menjejaskan Cabo Delgado dan wilayah jiran, katanya dalam laporan itu.

"Dengan tahap 2 krisis itu mendapat keutamaan dan sokongan meluas korporat untuk peningkatan respons darurat," tambahnya.

UNICEF berkata pada 2020, ia telah meminta US\$11.1 juta untuk "mempertahankan penyediaan perkhidmatan menyelamatkan nyawa untuk wanita dan kanak-kanak yang terjejas konflik di utara Mozambique."

Namun pada 30 November, ia hanya menerima US\$9 juta, mewujudkan jurang pendanaan sebanyak 41 peratus untuk rayuan Tindakan Kemanusiaan untuk Kanak-kanak 2020 (HAC).

"Tanpa dana mencukupi, lebih 100,000 orang tidak akan mendapat akses air yang selamat, sanitasi mencukupi, dan lebih 33,000 kanak-kanak tidak dapat bersekolah, 27,000 wanita hamil dan menyusui tidak menerima manfaat IYCF (makanan bayi dan anak kecil).

"Keadaan ini amat penting kerana pada 2021, HAC untuk Mozambique memerlukan US\$52.8 juta dana dan lebih US\$30 juta adalah untuk pelan kecemasan Cabo Delgado," kata UNICEF. - ©BERNAMA



Penemuan strain baharu COVID-19, India gantung penerbangan dari Britain

NEW DELHI, 21 Dis. - India menggantung semua penerbangan dari Britain sehingga akhir bulan ini ekoran laporan penemuan jenis COVID-19 baharu yang sangat mudah berjangkit di negara itu. Larangan sementara terhadap

semua penerbangan dari United Kingdom (UK) bermula pada Rabu, menurut Kementerian Penerbangan Awam India. Sebagai langkah berjaga-jaga, penumpang dari UK yang menaiki semua penerbangan termasuk

transit dan tiba di India sebelum tengah malam 22 Disember, akan tertakluk kepada ujian saringan COVID-19 mandatori di lapangan terbang, kata kementerian. Britain termasuk dalam senarai negara yang mempunyai

perjanjian dua hala 'gelembung perjalanan' meskipun jadual penerbangan berjadual biasa masih digantung akibat pandemik itu. India, negara kedua di dunia yang paling teruk terjejas akibat

COVID-19, mencatatkan lebih 10 juta kes dengan 24,337 jangkitan dilaporkan dalam tempoh 24 jam pada Isnin.

Jumlah kes aktif pula sebanyak 303,639, menurut Kementerian Kesihatan. - ©BERNAMA

Arab Saudi gantung penerbangan antarabangsa kekang strain baharu COVID-19

RIYADH, 21 Dis. - Arab Saudi pada Ahad menggantung semua penerbangan antarabangsa selama seminggu berikutan penularan strain baharu COVID-19, lapor

Agensi Berita Saudi (SPA), memetik sumber Kementerian Luar, berkata penggantungan itu mungkin akan

disambung untuk tempoh seminggu lagi.

Minggu lalu, United Kingdom (UK) mengumumkan satu strain baharu COVID-19 yang mudah berjangkit, mendorong beberapa negara Eropah menghentikan perjalanan keluar dan masuk dari UK.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meminta negara-negara

tersebut meningkatkan langkah-langkah kesihatannya bagi menghalang penularan strain baharu itu.

Tindakan Arab Saudi itu sebagai langkah berwaspada kerajaan sehingga terdapat maklumat yang jelas mengenai sifat strain baharu tersebut.

Pihak berkuasa Arab Saudi turut mengarahkan mana-mana individu

yang kembali atau melalui negara Eropah dalam tiga bulan terakhir segera menjalani ujian saringan COVID-19.

Sekatan perjalanan, bagaimanapun, tidak membabitkan penerbangan kargo Arab Saudi dan rantaian bekalan daripada negara yang tidak merekodkan kes melibatkan varian baharu itu. - ©BERNAMA

Gantung lesen AP jika bersekongkol dengan kartel daging import haram



SERDANG, 21 Dis. - Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee ketika sidang media khas mengenai pencapaian Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Malaysia Commercialization Year 2020 di ibu pejabat MARDI, hari ini. - ©BERNAMA

SERDANG, 21 Dis. - Pemegang Permit Import (AP) yang terbukti bersekongkol dengan kartel daging import haram akan dikenakan tindakan tegas termasuk digantung lesen, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Buat masa ini, katanya siasatan berhubung kartel daging import haram itu termasuk sekiranya terdapat pemegang AP dan penjawat awam terlibat sedang dijalankan oleh pihak berwajib.

"Biar siasatan dibuat dahulu dan apabila ia selesai, tindakan selanjutnya akan diambil ini termasuk menggantung AP sekiranya terbukti bersalah," katanya mengenai tindakan yang akan diambil kepada pemegang AP sekiranya terlibat dalam kartel daging import haram.

Beliau yang ditemui media selepas merasmikan Persidangan Pertanian Digital Kebangsaan (DigAc) 2020 di sini hari ini berkata isu penyeludupan daging import

haram itu merupakan perkara yang serius dan perlu segera dibanteras.

Kiandee dalam pada itu menegaskan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sentiasa mengaudit daging dan ayam yang akan dibawa masuk ke negara ini bagi memastikan ia berstatus halal.

Media hari ini melaporkan kartel mendalangi penyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah, termasuk diragui halal dan kualitinya, dipercayai 'membeli' beberapa kakitangan kerajaan termasuk pegawai agensi tertentu bagi melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

Sebelum ini, sebuah gudang syarikat daging sejuk beku di Taman Perindustrian Senai, Johor diserbu pihak berkuasa hasil risikan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) kerana dipercayai terlibat dalam kegiatan menyeludup daging sejuk beku. - ©BERNAMA

Jack Ma tawar Beijing sebahagian teknologi kewangan Ant Group

MOSCOW, 21 Dis. - Pengasas bersama gergasi e-dagang China, Alibaba Group, Jack Ma, menawarkan untuk menyerahkan sebahagian teknologi kewangan Ant Group kepada kerajaan China dalam usaha menyelamatkan tawaran saham terbitan awam (IPO) syarikat itu yang ditangguhkan pihak berkuasa pengawal selia China, lapor The Wall Street Journal, memetik sumber.

Pada awal November, rancangan penyenaraian IPO Ant Group, sebuah perkhidmatan kewangan dan syarikat FinTech yang merupakan syarikat sekutu Alibaba, ditangguhkan oleh Bursa Saham Shanghai.

Ant Group dijangka mengumpulkan hingga US\$34.4

bilion melalui IPOnya di Bursa Saham Shanghai dan Bursa Saham Hong Kong, menjadikannya IPO terbesar dalam sejarah, lapor Agensi Berita Sputnik.

"Anda dapat menggunakan satu daripada platform dimiliki Ant, selama mana negara memerlukannya," kata Ma dalam mesyuarat dengan perwakilan pihak berkuasa China pada 2 November seperti dipetik media.

Menurut laporan itu tawaran tersebut tidak membantu menyelamatkan IPO disebabkan Beijing berang dengan kritikan Ma terhadap peraturan melampau Beijing dalam industri kewangan negara, yang dilihatnya sebagai halangan besar untuk pertumbuhan perkhidmatan dan inovasi

kewangan baharu.

Presiden China Xi Jinping dilaporkan secara peribadi mengarahkan pengawal selia China untuk mengkaji kemungkinan risiko ditimbulkan Ant Group dan menangguhkan IPO.

Saluran berita itu menyatakan belum ada keputusan dibuat berhubung tawaran Ma.

Alibaba Group memiliki 33 peratus Ant Group, yang beribu pejabat di bandar Hangzhou di timur China. Syarikat tersebut berada di kedudukan teratas di China dalam pembayaran mudah alih, dan juga menawarkan pinjaman, insurans, dan perkhidmatan pengurusan aset melalui aplikasi mudah alih. - ©BERNAMA

Medan Telaga Minyak Tarim keluar 30 juta tong minyak dan gas asli

XINJIANG, 21 Dis. - Jumlah pengeluaran minyak dan gas asli di Medan Telaga Minyak Tarim di selatan Wilayah Autonomi Xinjiang mencatatkan sebanyak 30.031 juta tong setakat pukul 12 tengah malam Ahad.

Pengurus besar Syarikat Medan Telaga Minyak Tarim, Yang Xuewen baru-baru ini memaklumkan, usaha pembangunan dan eksplorasi telah dilakukan secara aktif dalam menaik tarafkan kawasan ini sebagai lokasi yang mampu mengeluarkan minyak dan gas asli sehingga satu bilion tong dalam tempoh Rancangan Lima Tahun

ke-13 pembangunan sosioekonomi China.

Beliau berkata, usaha itu akan diteruskan bagi memastikan jumlah pengeluaran dapat mencecah 40 juta tong pada 2025 dan 50 juta tong pada 2035.

Jelas Yang, ia bermatlamat mewujudkan sebuah medan telaga minyak dan gas asli sejajar proses modenisasi mengikut arus perdana dunia.

Untuk rekod, Lembangan Tarim seluas 560 ribu kilometer persegi merupakan lembangan minyak dan gas asli terbesar di daratan China dengan rizab yang ditemui mencatat 2.67 bilion tong.

Dalam perkembangan lain, setakat ini, sebanyak 32 medan minyak dan gas asli telah dibina di Lembangan Tarim dalam tempoh 31 tahun lalu dengan jumlah pengeluaran melebihi 400 juta tong, selain gas asli yang dihantar dari kawasan barat ke timur China melebihi 260 bilion meter padu.

Di samping itu, jaringan saluran paip gas juga selesai dibina untuk menghantar gas asli sebanyak empat bilion meter padu setiap tahun ke lima daerah di selatan Xinjiang yang turut memberi manfaat kepada 4.3 juta penduduk tempatan. - ©BERNAMA

Kongres AS lulus pakej bantuan kecemasan COVID-19 US\$900 bilion



WASHINGTON, 21 Dis. - Kongres Amerika Syarikat (AS) meluluskan usul rang undang-undang (RUU) pakej bantuan COVID-19 bernilai kira-kira US\$900 bilion, lapor Agensi Berita Sputnik, memetik Pemimpin Majoriti Senat, Mitch McConnell.

"Ketika rakyat Amerika terus berperang dengan COVID-19 pada musim cuti ini, mereka tidak bersendirian. Kongres baru saja mencapai kesepakatan. Kami akan meneruskan satu lagi pakej bantuan secepatnya. Lebih banyak bantuan akan diterima" kata McConnell di Twitter pada Ahad.

Speaker Dewan Nancy Pelosi dan Ketua Demokratik Senat

Chuck Schumer mengesahkan kedua-dua dewan telah bersetuju mengenai beberapa pakej bantuan kecemasan baharu COVID-19 pada Ahad.

"Setelah berminggu-minggu melalui perbincangan yang tegang, kami akhirnya mencapai kesepakatan mengenai pakej kecemasan #COVIDrelief. Ini akan memberikan bantuan kecemasan segera kepada negara. Perundangan ini mesti dipercepatkan. Banyak lagi yang kita perlu buat di bawah Presiden Biden," ciap Schumer di Twitter.

Pakej baharu itu merangkumi US\$300 faedah pengangguran mingguan dan bantuan tambahan

US\$600 serta lebih US\$284 bilion untuk pinjaman pertama dan kedua Program Perlindungan Pendapatan (PPP) dan dana US\$15 bilion bagi "tempat majlis siaran langsung, teater filem persendirian, dan institusi budaya," menurut kenyataan bersama dikeluarkan Pelosi dan Schumer.

Pakej bantuan ini juga merangkumi bantuan sewa US\$25 bilion dan menyediakan dana US\$82 bilion untuk kolej dan sekolah, serta US\$10 bilion bantuan penjagaan anak.

Bercakap kepada pemberita selepas kelulusan itu, Schumer berkata pakej itu memberi kelegaan namun, AS masih memerlukan "RUU kedua untuk

terus menangani keadaan kecemasan."

Pemimpin Demokratik Senat itu berjanji "akan mengusulkan RUU lebih besar dan kukuh" tahun depan, ia bakal menjadi tugas utama pentadbiran Biden.

Kongres AS pada Mac meluluskan Undang-Undang Bantuan dan Keselamatan Ekonomi Koronavirus (CARES) US\$3 bilion, bertujuan menyediakan perlindungan gaji pekerja, pinjaman dan geran untuk perniagaan serta bantuan peribadi lain untuk warganegara dan penduduk yang memenuhi syarat.

Bagaimanapun, dalam beberapa bulan kebelakangan ini, Demokrat dan Republikan berselisih pendapat mengenai rancangan bantuan itu.

Pada awal Disember, Demokrat dan Republikan mengusulkan RUU bantuan sebanyak US\$908 bilion, yang mendorong kedua-dua pihak meneruskan perbincangan.

Kedua-dua pihak mencadangkan RUU itu dibahagikan kepada dua usul iaitu sebanyak US\$748 bilion diperuntukkan untuk faedah pengangguran, bantuan perniagaan kecil dan program lain, yang dipersetujui kebanyakan anggota dewan.

Sementara itu, sejumlah US\$160 bilion lagi disalurkan bagi perlindungan liabiliti firma dan bantuan kepada kerajaan negeri dan tempatan, usul ini mencetuskan banyak pertikaian. - ©BERNAMA

Eksport mi segera Korea Selatan melonjak 28 peratus semasa pandemik

SEOUL, 21 Dis. - Eksport mi segera Korea Selatan melonjak lebih 28 peratus dalam 11 bulan pertama tahun ini di tengah-tengah pandemik COVID-19, menurut data pada Isnin.

Penghantaran mi segera ke luar negara, atau "ramyeon" dalam bahasa Korea, mencecah US\$549.72 juta pada Januari-November, meningkat 28.4 peratus dari tahun sebelumnya, menurut data Perkhidmatan Kastam Korea dan pemain industri.

Ia jauh melebihi jumlah eksport tahun lalu sebanyak US\$467 juta, lapor Agensi Berita Yonhap. Lonjakan itu disebabkan populariti global mi segera buatan Korea

sebagai makanan darurat ketika semua orang berada di rumah berikutan kawalan pergerakan COVID-19.

Turut menyumbang ialah penghantaran ke luar negara Chapaguri dalam jumlah yang besar, iaitu sejenis hidangan mi dari filem "Parasite" yang memenangi Oscar dan campuran Chapaggetti, mi kacang hitam segera, dan Neoguri, mi udon Korea yang pedas.

China adalah pasaran luar negara terbesar dalam tempoh 11 bulan, dengan eksport mencapai US\$138.56 juta, atau 25.2 peratus daripada jumlah keseluruhan. Diikuti Amerika Syarikat US\$72.84 juta, Jepun US\$44.98

juta, Thailand US\$24.66 juta dan Filipina US\$22.37 juta.

Eksport mi segera Korea Selatan meningkat kepada US\$470 juta tahun lalu, meningkat daripada US\$410 juta pada 2018 dan US\$380 juta pada 2017.

Jika prestasi sepanjang 11 bulan itu sebagai petunjuk, penghantaran ramyeon ke luar negara dijangka melonjak ke rekod baharu dan melebihi nilai US\$600 juta, kata pemerhati industri.

Berdasarkan mi segera yang dikeluarkan dan dijual oleh syarikat makanan Korea Selatan di luar negara, penggunaan global ramyeon jauh lebih tinggi daripada jumlah eksport, tambah mereka. - ©BERNAMA

Kempen Trump fail petisyen cabar keputusan pilihan raya Pennsylvania

WASHINGTON, 21 Dis. - Pasukan kempen Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump memfailkan petisyen ke Mahkamah Agung AS bagi mencabar keputusan pilihan raya presiden di Pennsylvania, lapor Agensi Berita Sputnik.

"Kempen Trump memfailkan petisyen meminta Mahkamah Agung mengeluarkan surat perintah untuk membatalkan tiga keputusan pilihan raya Pennsylvania yang secara tidak sah mengubah undang-undang undi pos Pennsylvania sebelum dan sesudah pilihan raya presiden 2020," kata pasukan Trump di Twitter pada Ahad.

Menurut peguam Trump, Rudy Giuliani, petisyen itu memohon perintah yang membolehkan perundangan Pennsylvania memberikan 20 undi elektoral kepada Trump.

Awal bulan ini, Trump mengatakan Mahkamah Agung telah "benar-benar mengecewakan kita" kerana institusi itu menolak untuk mencabar keputusan pemilihan presiden di Wisconsin, Georgia, Pennsylvania, dan Michigan, selepas tuntutan mahkamah dikemukakan oleh negeri Texas.

Bakal Presiden AS Joe Biden disahkan memenangi pilihan raya presiden November menerusi undi elektoral pada 14 Disember setelah semua 50 negeri mengesahkan keputusan pengundian secara rasmi.

Namun, Trump masih enggan mengaku kalah, menuduh berlaku nipunan undian, walaupun 60 petisyen yang dikemukakan kempennya sebelum ini, ditolak. - ©BERNAMA

Kanada gantung penerbangan penumpang dari Britain bendung varian baharu COVID-19

OTTAWA, 21 Dis. - Kanada akan menghentikan kemasukan penerbangan penumpang dari Britain selama 72 jam mulai tengah malam Ahad, lapor Agensi Berita Xinhua memetik pengumuman pihak berkuasa.

Kanada menjadi negara terbaharu yang mengambil tindakan terhadap strain baharu COVID-19 yang merebak dengan pantas di Britain setelah Perancis, Jerman, Itali

dan negara-negara lain mengumumkan sekatan perjalanan dari Britain.

"Melihat peningkatan yang tinggi kes varian COVID-19 di beberapa wilayah di United Kingdom (UK), keputusan dibuat untuk menggantung semua penerbangan penumpang komersial dan swasta dari UK ke Kanada selama 72 jam," kata kenyataan pihak berkuasa kesihatan Kanada.

Perdana Menteri Britain, Boris Johnson pada Sabtu mengumumkan sekatan baharu COVID-19 tahap empat untuk London dan beberapa bahagian di tenggara England bagi menghalang lonjakan jangkitan berkaitan strain baharu yang membimbangkan.

"Jangkitan varian baharu mungkin hingga 70 peratus lebih mudah disebarkan," katanya. - ©BERNAMA

El Al Israel Airlines lancar penerbangan terus pertama ke Maghribi

TEL AVIV, 21 Dis. - El Al Israel Airlines akan memulakan penerbangan terus pertama dari Tel Aviv ke Rabat, ibu negara Maghribi, pada Selasa, lapor Agensi Berita Sputnik menurut kenyataan syarikat penerbangan negara itu.

"EL AL Israel Airlines dipilih untuk melakukan penerbangan bersejarah pertama dari Israel ke ibu negara Maghribi, Rabat, pada Selasa, 22 Disember 2020," memetik kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu pesawat berkenaan akan membawa delegasi Amerika Syarikat (AS)-Israel.

Awal bulan ini, El Al Airlines mengumumkan pihaknya sedang bersiap sedia untuk melancarkan penerbangan terus dengan Maghribi selepas mendapat kelulusan diperlukan sebaik kedua-dua negara sepakat memulihkan hubungan diplomatik.

Presiden Donald Trump pada awal Disember mengumumkan beliau menjadi perantara perjanjian damai antara Israel dan Maghribi. Perjanjian itu merangkumi jalinan hubungan diplomatik sepenuhnya dan perjalanan udara antara kedua-dua negara, serta pengiktirafan Amerika Syarikat terhadap kedaulatan Maghribi di Sahara Barat.

Maghribi menjadi negara Arab keempat yang memulihkan hubungan dengan Israel tahun ini selepas Emiriah Arab Bersatu, Bahrain dan Sudan. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

TENPIN boling merupakan sukan kompetitif dan riadah di mana seorang pemain diperlukan untuk menggolek bola di atas lorong yang dibuat dari kayu atau sintetik dengan tujuan untuk mendapat mata secara menjatuhkan sebanyak pin yang mungkin. Permainan ini berasal dari permainan *skittle* dan sangat popular di Eropah dan AS. Kini pemain-pemain dari Asia Tenggara telah maju dalam permainan sukan ini.



Persembahan seni bela diri tarik pengunjung



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa meninjau petak pameran (kiri), manakala gambar kanan, seorang Ahli Persekutuan Wushu Brunei Darussalam memperlihatkan gerakan-gerakan yang pantas dalam persembahan.

JERUDONG, Isnin, 21 Disember. - Hari Terbuka Seni Bela Diri 2020 (Martial Arts Open Day 2020) baru-baru ini dilancarkan di Jerudong Park Garden dengan persembahan 10 jenis seni bela diri yang menarik

dan memukau para pengunjung. Hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan Hari Terbuka itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

(KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali. Pelancaran tersebut dimulakan dengan penyampaian ucapan alu-aluan daripada tetamu kehormat yang antaranya mengongsikan beberapa lagi

aktiviti yang bakal dilaksanakan bagi sama-sama memeriahkan lagi Festival Brunei Disember (Brunei December Festival - BDF 2020). Manakala persembahan yang melibatkan 12 disiplin seni bela

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

diri iaitu Pencak Silat, Wushu, Karate, Tae kwan do, Judo, Kendo, Kempo, Hapkido, MMA, Muay Thai, Fencing dan Archery sebelumnya direkodkan di dalam buku rekod, iaitu 'The Brunei Book of Records' semasa Majlis Pelancaran BDF 2020 pada 3 Disember yang lalu. Menurut tetamu kehormat, video mengenai 12 seni bela diri yang terlibat dalam acara berkenaan akan dihasilkan dengan kerjasama agensi kerajaan dan media, di samping perancangan untuk membuat permainan seni bela diri di Negara Brunei Darussalam yang memerlukan sokongan daripada semua untuk menjayakannya. Selain itu, sokongan orang ramai juga diperlukan untuk satu projek sempena BDF 2020 dan Brunei China Tourism Year 2020 pada 27 Disember nanti, di mana 2,020 individu akan melakukan gerakan Taichi di tempat berlainan dalam satu masa. Acara bagi memeriahkan BDF 2020 tersebut memberi peluang kepada pengunjung untuk mengenali lebih dekat melalui petak-petak pameran dan menyaksikan demonstrasi setiap seni bela diri yang diketengahkan.

Perlawanan Badminton Persahabatan kukuhkan silaturahmi

BENKURONG, Isnin, 21 Disember. - Rombongan gabungan Pasukan Badminton Brunei Shell Recreation Club (BSRC) dan Liang Lumut Recreation Club (LLRC), Kuala Belait, baru-baru ini, mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan bersama Bengkurong Veteran Badminton Community (BVBC), bertempat di Dewan Kemasyarakatan, Mukim Pengkalan Batu. Ia adalah sebagai lawatan balas kepada BVBC yang berkunjung dan memenuhi undangan gabungan Pasukan Badminton BSRC dan LLRC, Kuala Belait bagi Perlawanan Badminton Persahabatan, pada 5 Disember lepas. Rombongan gabungan Pasukan Badminton BSRC dan LLRC, Kuala Belait diketuai oleh Awang Abu Mutalib bin Mohamad dan disertai oleh 18 pasangan beregu lelaki juga tiga beregu wanita.

Kunjungan ini merupakan petanda penguatan persahabatan dan silaturahmi di antara kedua-dua pasukan dalam bidang sukan badminton.

Perlawanan juga sejajar dengan moto kedua-dua pasukan, iaitu 'Kekal Sihat, Kekal Bersatu, Kekal Bersemangat'.

Rombongan gabungan Pasukan Badminton Brunei Shell Recreation Club dan Liang Lumut Recreation Club, Kuala Belait bergambar ramai pada Perlawanan Badminton Persahabatan bersama Bengkurong Veteran Badminton Community di Dewan Kemasyarakatan, Mukim Pengkalan Batu.

Berita dan Foto :
Ihsan Bengkurong Veteran Badminton Community



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JADILAH INSAN BERKUALITI, BERAKHLAK MULIA DAN TIDAK MENGETAHUI PERKATAAN 'KALAH'